



**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

LAPORAN EKONOMI SEKTOR KOPERASI TAHUN



"TRANSFORMASI KOPERASI MALAYSIA"



**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

LAPORAN EKONOMI SEKTOR KOPERASI TAHUN



"TRANSFORMASI KOPERASI MALAYSIA"



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan
Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

Tel : 03-20834000
Faks : 03-20834100
E-Mel : webmaster@skm.gov.my

Terbitan Secara Tahunan

Dicetak oleh :



No. 3 - 2 Jalan Selasih K U12/K, Cahaya Alam, Seksyen U12, 40170
Shah Alam, Selangor

Tel : 03-3352 4600 / 03-3362 4601
Email : biz@maxcisniaga.com

KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF RINGKASAN EKSEKUTIF

BAB 1

LANDSKAP EKONOMI GERAKAN KOPERASI 2022

• Ekonomi Dunia 2022	10
• Ekonomi Malaysia 2022	10
• Ekonomi Sektor Koperasi 2022	12
• Prestasi Perolehan Sektor Koperasi Mengikut Negeri	12
• Pendapatan Koperasi Mengikut Parlimen	13
• Bilangan Koperasi dan Keanggotaan	22
• Peningkatan Keanggotaan Koperasi	22
• Kaedah Pelaporan Ekonomi Sektor Koperasi 2022	23
• Kerjasama Strategik Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan Kementerian	23
• Sokongan Kerajaan Negeri	25
• Sisipan – Gerakan Koperasi Negara Jepun	26
• Kesimpulan	28

BAB 2

AKTIVITI EKONOMI KOPERASI

• Pengenalan	30
• Aktiviti Kewangan	30
• Sisipan – Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad	31
• Aktiviti Pertanian	32
• Sisipan – Koperasi Ladang Berhad	33
• Aktiviti Perdagangan, Borong dan Runcit	33
• Sisipan – Koperasi Peneroka Felda Aring Satu Gua Musang Berhad	36

BAB 3

PRESTASI EKONOMI KOPERASI

• Sorotan Penting	38
• Pendahuluan	40
• Prestasi Ekonomi Sektor Koperasi 2022	40
• Tinjauan Ekonomi Sektor Koperasi 2023	48
• Kesimpulan	49

BAB 4

MODEL PERNIAGAAN KOPERASI

• Pengenalan	52
• Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit	52
• Aktiviti Kewangan	57
• Aktiviti Pertanian	58
• Pemerkasaan Perniagaan Koperasi Melalui Federasi Koperasi	59
• Pendigitalan Koperasi	62

BAB 5

DASAR DAN PROSPEK 2023

• Dasar-Dasar Pemangkin Gerakan Koperasi	70
• Prestasi Pelaksanaan TransKoM	70
• Inisiatif Tambah Nilai / Langkah Intervensi Program TransKoM Bagi 2022	71
• Pencapaian Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2015 Fasa 2 (1 Januari – 31 Disember 2022)	72
• Bidang Tujahan 1: Penerapan Nilai Kemakmuran Bersama	72
• Bidang Tujahan 2: Pemantapan Sistem Perundangan dan Governan	73
• Bidang Tujahan 3: Pengukuhan Bakat dan Pembangunan Insan	74
• Bidang Tujahan 4: Pembentukan Persekitaran Perniagaan yang Mampan dan Lestari	76
• Bidang Tujahan 5: Pemerkasaan Badan Induk dan Sistem Penyampaian Koperasi	78
• Pembangunan Pelan Pendigitalan Koperasi	80
• Pakej Rangsangan Ekonomi Koperasi	80
• Kajian Pembangunan Dasar Koperasi Malaysia	84
• Memudahkan Perniagaan Koperasi	84
• Isu dan Cabaran	85
• Melangkah ke Hadapan	86
• Penutup	88

SIDANG PENGARANG



Perutusan

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi
Malaysia

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلامة عليكم ورحمة الله وبركاته

6

Bismillahirrahmannirahim.

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya jua buku Laporan Ekonomi Sektor Koperasi 2022 telah berjaya diterbitkan. Laporan ini bertujuan memberikan gambaran berkenaan gerakan koperasi dari sudut prestasi ekonomi serta prospek dan peluang mendatang pada masa hadapan.

Perkembangan koperasi dari sudut ekonomi merupakan satu petunjuk yang signifikan bahawa ia merupakan sektor yang relevan dalam sumbangannya terhadap kedudukan ekonomi di Malaysia. Ia memberikan gambaran bahawa kekuatan anggota dapat diperkukuhkan menerusi perkongsian kemakmuran dan manfaat menerusi langkah berkoperasi dan boleh dijadikan model perniagaan bagi menjalankan aktiviti sosioekonomi.

Laporan kali ini akan menyentuh prestasi ekonomi koperasi dalam beberapa industri yang signifikan menerusi kaedah yang lebih mendalam menggunakan konsep Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) yang dibangunkan berdasarkan International Standard Industrial Classification of All Economics (MSIC) Revision 4.

Saya mengucapkan tahniah kepada sidang pengarang yang telah bersama-sama menjayakan penerbitan Laporan Ekonomi Sektor Koperasi Tahun 2022. Semoga penerbitan buku ini akan dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam gerakan koperasi.

Salam hormat.

RUSLI BIN JAAFAR
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



Ringkasan

Eksekutif

Ringkasan Eksekutif

Laporan Ekonomi Sektor Koperasi 2022 memberikan gambaran kedudukan koperasi dari sudut perkembangan ekonominya. Dimulai dengan landskap ekonomi dunia, seterusnya status ekonomi di Malaysia dan kemudian memfokuskan kepada kedudukan ekonomi Sektor Koperasi pada tahun 2022. Pelbagai inisiatif yang diperkenalkan bagi merancang kedudukan ekonomi walaupun negara mengalami isu kos sara hidup yang meningkat dan pandemik COVID-19. Koperasi juga turut menerima dana bagi memperkukuhkan aktiviti perniagaan koperasi dan ia dapat memberikan impak positif ke atas sumbangan ekonomi koperasi.

Beberapa industri yang menjadi tulang belakang gerakan koperasi di Malaysia turut disentuh dalam laporan ini. Seterusnya prestasi ekonomi tersebut turut diolah dan dipaparkan bagi memberikan pemahaman

yang lebih terperinci kepada pembaca agar maklumat yang disampaikan tepat menerusi data-data yang diperolehi.

Beberapa model perniagaan juga turut dijelaskan dalam laporan ini bagi memperlihatkan usaha Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan juga entiti koperasi bertungkus-lumus dalam melaksanakan model tersebut dengan perancangan dan kesediaan yang mencukupi agar koperasi dapat bersaing dalam industri-industri yang lebih mencabar selaras dengan keperluan pendigitalan arus perniagaan masa kini.

Akhir sekali, laporan ini turut membentangkan prestasi TransKoM 2021-2025 dan apa yang telah dapat dicapai pada tempoh 2022 serta perancangan dasar baru seperti Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) untuk direalisasikan.



Bab 1

Landskap Ekonomi Gerakan Koperasi

Ekonomi Dunia 2022
Ekonomi Malaysia 2022
Ekonomi Sektor Koperasi 2022
Prestasi Perolehan Sektor Koperasi Mengikut Negeri
Pendapatan Koperasi Mengikut Parlimen
Bilangan Koperasi dan Keanggotaan
Peningkatan Keanggotaan Koperasi
Kaedah Pelaporan Ekonomi Sektor Koperasi 2022
Kerjasama Strategik Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan Kementerian Sokongan Kerajaan Negeri
Sisipan – Gerakan Koperasi Negara Jepun
Kesimpulan

Bab 1 Landskap Ekonomi Gerakan Koperasi 2022

Ekonomi Dunia 2022

Pada tahun 2022, ekonomi dunia telah mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 3.1% berbanding tahun sebelumnya (2021: 6.0%). Selain kesan dari pandemik COVID-19 yang masih berlarutan, situasi perang di Ukraine yang mengganggu bekalan dan perdagangan, inflasi yang melonjak serta kenaikan kadar faedah telah memberikan kesan kemerosotan ekonomi pada tahun 2022. Bagi banyak negara, kemelesetan ekonomi sukar untuk dielakkan. Dengan bekalan

gas asli dikekang, terutamanya untuk kegunaan dalam baja dan grid elektrik di negara miskin, pengumuman peningkatan pengeluaran utama seluruh dunia akan menjadi penting untuk keluar dari stagflasi dan memulihkan pertumbuhan bukan inflasi. Selepas berkembang 3.1% pada tahun 2022, ekonomi global dijangka perlahan pada tahun 2023 kepada 2.1%. Seterusnya, dalam keadaan berterusan untuk mengetatkan dasar monetari bagi mengekang inflasi yang tinggi, diunjurkan pemulihan lembap pada tahun 2024 kepada 2.4%. Jadual pengunjuran KDNK oleh Bank Dunia adalah seperti berikut:

Jadual 1.1: Pengunjuran KDNK oleh Bank Dunia

KDNK (% setahun)	2021	2022e	2023f	2024f
Dunia	6.0	3.1	0.4	-0.3
Negara Maju	5.4	2.6	0.2	-0.4
Amerika Syarikat	5.9	2.1	0.6	-0.8
Pasaran Baru Muncul & Ekonomi Membangun	6.9	3.7	0.6	-0.2
China	8.4	3.0	1.3	-0.4
Malaysia	3.1	8.7	0.3	0.3
Indonesia	3.7	5.3	0.1	0.0
Thailand	1.5	2.6	0.3	-0.1
Vietnam	2.6	8.0	-0.3	-0.3

Sumber: World Bank Global Economic Prospects, Jun 2023

EKONOMI MALAYSIA 2022

Ekonomi Malaysia mencatatkan prestasi yang memberangsangkan apabila KDNK meningkat melebihi 8% dalam tempoh 2 tahun berturut-turut iaitu -5.5% pada tahun 2020 kepada 3.9% pada tahun 2021 dan seterusnya kepada 8.7% pada tahun 2022.

Pencapaian pertumbuhan untuk tahun 2022 disokong oleh prestasi ekonomi yang kukuh pada suku kedua hingga keempat yang melihat pemulihan perbelanjaan dan pelaburan swasta, penurunan pengangguran serta pengukuhan mata wang ringgit.

Jadual 1.2: KNDK Malaysia dari tahun 2020 hingga tahun 2022

% Setahun	2020				2021				2022			
	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4
KDNK	0.7	16.9	2.5	3.2	-0.2	16.2	-4.2	3.6	4.8	8.8	14.1	7.1
	-5.5				3.9				8.7			

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Walaupun kos sara hidup rakyat semakin meningkat disamping keperluan entiti perniagaan untuk terus bertahan, Kerajaan turut melaksanakan langkah bagi memperkemarkan ekonomi rakyat dengan memperuntukkan sebanyak RM216 bilion bagi melaksanakan pakej rangsangan ekonomi pada tahun 2021 / 2022 seperti berikut:

- Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) yang dilancarkan pada 18 Januari 2021 bernilai RM15 bilion;
- Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) yang dilancarkan pada 18 Mac 2021 bernilai RM11 bilion;
- PEMERKASA Plus yang dilancarkan pada 31 Mei 2021 bernilai RM40 bilion; dan
- Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang dilancarkan pada 28 Jun 2021 bernilai 150 bilion.

Pada tahun 2022, pelaburan sebanyak RM264.6 bilion diperuntukkan kepada 4,454 projek merangkumi sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama lain meskipun masih berhadapan persekitaran ekonomi global yang mencabar (Sumber: Berita Harian, 26 Julai 2023). Ini menunjukkan bahawa Malaysia dapat membangkitkan keyakinan dan kekal sebagai destinasi pilihan pelabur global yang mencari peluang jangka panjang yang stabil.

Sebilangan besar sektor ekonomi mengalami peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Sektor yang signifikan adalah dari sektor pembinaan, sektor import dan perkhidmatan. Sektor pembinaan telah meningkat sebanyak 11.5% berbanding tahun sebelumnya. Sektor import dan perkhidmatan juga telah meningkat masing-masing sebanyak 8.0% dan 7.0%. Secara keseluruhan peningkatan KDNK bagi tahun 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 7.7% hingga 8.7% berbanding tahun sebelumnya.

Jadual 1.3: Sektor ekonomi Malaysia dan KDNK

	2020 ¹⁰		2021 ¹¹		2022 ¹²	
Penduduk (juta)	32.6		32.7		32.9	
Pengeluaran dalam Negeri	RM Juta	Perubahan (%)	RM Juta	Perubahan (%)	RM Juta	Perubahan (%)
Keluaran dalam Negeri Kasar (harga malar 2015)	1,343,880	-5.6	1,391,311	3.0 - 4.0	1,474,324	5.5 - 6.5
Pertanian	99,367	-2.2	98,532	-0.8	102,416	3.9
Perlombongan dan Pengkuarian	91,993	-10.6	93,340	1.5	93,086	-0.3
Pembuatan	307,924	-2.6	332,743	8.1	348,547	4.7
Pembinaan	53,556	-19.4	53,110	-0.8	59,244	11.5
Perkhidmatan	775,717	-5.5	796,222	2.6	852,298	7.0
Duti import	15,324	-5.6	17,363	13.3	18,750	8.0
Keluaran dalam Negeri Kasar (harga semasa)	1,416,605	-6.4	1,514,624	6.4 - 7.4	1,637,800	7.7 - 8.7


Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

EKONOMI SEKTOR KOPERASI 2022

Pada tahun 2022, perolehan koperasi mula menunjukkan pertumbuhan yang positif. Meskipun pada tahun 2021, perolehan koperasi menyusut sebanyak 9% dengan nilai perolehan RM37.9 bilion, tahun 2022 telah menunjukkan pertumbuhan yang lebih baik dengan perolehan sebanyak RM45.5 bilion iaitu peningkatan pada kadar 20%. Ke arah mencapai sasaran yang ditetapkan

dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), dijangkakan pertumbuhan ini akan kembali stabil dengan unjuran sebanyak RM48 bilion bagi tahun 2023 dan terus meningkat sehingga tahun 2025 dengan unjuran baharu yang ditetapkan sebanyak RM54 bilion. Rajah 1.1 menunjukkan trend perolehan koperasi dalam tempoh 5 tahun iaitu bermula pada 2018 sehingga 2022 di mana berlaku penyusutan pada tahun 2020 dan 2021 kesan pandemik COVID-19.

Rajah 1.1: Perolehan Sektor Koperasi pada tahun 2018 sehingga 2022



Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

PRESTASI PEROLEHAN SEKTOR KOPERASI MENGIKUT NEGERI

Jadual 1.4: Prestasi Perolehan Sektor Koperasi Mengikut Negeri

NEGERI	PEROLEHAN 2021 (RM' JUTA)	PEROLEHAN 2022 (RM' JUTA)	PERUBAHAN (%)	TREN KOMPOSISI
Ibu Pejabat	27,744.25	34,405.52	24.01%	📈
Johor	677.15	714.89	5.57%	📈
Kedah	300.59	322.61	7.33%	📈
Kelantan	842.98	463.94	- 44.96%	📉
Melaka	124.08	105.17	- 15.24%	📉
Negeri Sembilan	133.95	164.34	22.69%	📈
Pahang	860.53	970.17	12.74%	📈
Perak	506.67	535.54	5.70%	📈
Perlis	55.92	31.27	- 44.08%	📉
Pulau Pinang	283.44	361.47	27.53%	📈
Sabah	470.84	569.71	21.00%	📈
Sarawak	310.79	392.59	26.32%	📈
Selangor	491.12	464.43	- 5.43%	📉
Terengganu	421.96	498.61	18.17%	📈
Wilayah Persekutuan	4,671.35	5,502.05	17.78%	📈
Jumlah	37,895.62	45,502.33	20.07%	📈

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Prestasi perolehan Sektor Koperasi pada tahun 2022 menunjukkan peningkatan pada kadar 20% (2022: RM45.5 billion) berbanding tahun sebelumnya (2021: RM37.9 billion).


PEROLEHAN KOPERASI MENGIKUT PARLIMEN




PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
IBU PEJABAT	3	34,405.52
Lembah Pantai	1	32,929.04
Subang	1	142.07
Titiwangsa	1	1,334.41



PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
SELANGOR	2,010	464.43
Ampang	91	68.69
Bangi	62	40.11
Damansara	45	9.51
Gombak	147	37.21
Hulu Langat	192	61.57
Hulu Selangor	68	29.53
Kapar	42	4.27
Klang	121	21.40
Kota Raja	19	1.13
Kuala Langat	102	32.94
Kuala Selangor	125	17.52
Pandan	14	0.51
Petaling Jaya	116	31.87
Puchong	113	12.23
Sabak Bernam	44	4.59
Selayang	74	4.44
Sepang	78	6.03
Subang	87	3.24
Sungai Besar	62	5.61
Sungai Buloh	7	5.05
Tanjung Karang	89	2.71




PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
JOHOR	1,462	714.89
Ayer Hitam	25	2.37
Bakri	35	7.08
Batu Pahat	89	32.86
Iskandar Puteri	92	10.73
Johor Bahru	103	116.86
Kluang	98	49.72
Kota Tinggi	94	52.14
Kulai	55	11.42
Labis	23	7.11
Ledang	41	6.14
Mersing	67	34.66
Muar	55	13.13
Pagoh	55	12.23
Parit Sulong	34	7.19
Pasir Gudang	78	15.38
Pengerang	53	95.88
Pontian	54	23.73
Pulai	80	20.31
Segamat	70	15.00
Sekijang	14	22.45
Sembrong	42	70.42
Simpang Renggam	35	11.18
Sri Gading	31	21.62
Tanjung Piai	28	1.27
Tebrau	69	41.33
Tenggara	42	12.71



PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
KEDAH	971	322.61
Alor Star	133	145.40
Baling	72	23.45
Jerai	53	2.41
Jerlun	19	1.60
Kuala Kedah	67	5.53
Kubang Pasu	86	20.78
Kulim - Bandar Bahru	81	54.99
Langkawi	71	27.66
Merbok	70	5.14
Padang Serai	20	2.08
Padang Terap	50	6.89
Pendang	54	3.56
Pokok Sena	53	2.85
Sik	47	8.42
Sungai Petani	95	11.86



PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
NEGERI SEMBILAN	787	164.34
Jelevu	53	46.23
Jempol	112	41.61
Kuala Pilah	85	3.43
Port Dickson	70	7.03
Rasah	118	29.14
Rembau	132	10.49
Seremban	145	16.59
Tampin	72	9.81



PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
KELANTAN	946	463.94
Bachok	51	2.42
Gua Musang	51	40.24
Jeli	30	1.10
Ketereh	59	6.78
Kota Bharu	210	281.88
Kuala Krai	53	8.36
Kubang Kerian	91	19.51
Machang	64	32.67
Pasir Mas	71	9.71
Pasir Puteh	57	8.05
Pengkalan Chepa	64	8.70
Rantau Panjang	22	8.54
Tanah Merah	51	28.00
Tumpat	72	14.00




PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
PAHANG	1,146	970.17
Bentong	66	35.52
Bera	63	76.71
Cameron Highland	27	42.00
Indera Mahkota	86	13.40
Jerantut	117	28.08
Kuala Krau	61	16.36
kuantan	113	528.76
Lipis	76	10.16
Maran	57	6.27
Paya Besar	79	35.23
Pekan	95	43.32
Raub	88	12.91
Rompin	93	87.27
Temerloh	125	34.16



PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
PERAK	1,694	535.54
Bagan Datok	63	18.97
Bagan Serai	44	2.11
Batu Gajah	56	4.63
Beruas	44	25.71
Bukit Gantang	60	2.58
Cameron Highland	1	0.01
Gerik	58	5.20
Gopeng	87	7.11
Ipoh Barat	107	95.36
Ipoh Timur	68	24.49
Kampar	30	6.50
Kuala Kangsar	79	26.12
Larut	53	20.34
Lenggong	40	2.72
Lumut	104	17.56
Padang Rengas	27	1.21
Parit	81	16.61
Parit Buntar	43	5.73
Pasir Salak	68	66.89
Sungai Siput	58	11.99
Taiping	161	54.03
Tambun	115	30.22
Tanjung Malim	85	25.89
Tapah	65	16.05
Telok Intan	97	47.51




PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
PERLIS	239	31.27
Arau	65	10.51
Kangar	105	14.18
Padang Besar	69	6.58



PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
MELAKA	469	105.17
Alor Gajah	53	3.84
Hang Tuah Jaya	103	32.87
Jasin	126	22.01
Kota Melaka	78	24.68
Masjid Tanah	66	13.08
Tangga Batu	43	8.69




PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
TERENGGANU	790	498.61
Besut	115	20.99
Dungun	86	92.96
Hulu Terengganu	69	78.38
Kemaman	97	80.97
Kuala Nerus	107	14.45
Kuala Terengganu	195	168.16
Marang	75	13.57
Setiu	46	29.11




PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
SABAH	1,707	569.71
Batu Sapi	14	0.08
Beaufort	56	21.88
Beluran	41	3.70
Kalabakan	42	5.02
Keningau	122	41.81
Kimanis	36	7.43
Kinabatangan	54	29.19
Kota Belud	104	3.48
Kota Kinabalu	198	119.22
Kota Marudu	76	19.96
Kudat	58	1.86
Labuan (WP)	42	11.51
Lahad Datu	79	18.26
Libaran	30	23.90
Papar	43	1.43
Penampang	64	3.79
Pensiangan	67	5.10
Putatan	57	2.66
Ranau	69	6.28
Sandakan	68	16.80
Semporna	71	4.14
Sepanggar	72	9.84
Sipitang	33	8.48
Tawau	106	189.06
Tenom	28	11.41
Tuaran	77	3.41



PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
SARAWAK	1,159	392.59
Bandar Kuching	64	80.64
Baram	57	24.33
Batang Lupar	25	1.63
Batang Sadong	16	1.32
Betong	34	5.74
Bintulu	75	18.12
Hulu Rajang	24	0.64
Igan	22	0.44
Julau	15	1.20
Kanowit	14	0.73
Kapit	25	0.61
Kota Samarahan	45	18.74
Lanang	26	1.17
Lawas	58	1.66
Limbang	27	10.52
Lubok Antu	13	2.02
Mas Gading	32	34.36
Miri	89	10.78
Mukah	30	8.17
Petra Jaya	110	41.36
Puncak Borneo	20	3.86
Santubong	50	12.12
Saratok	51	7.19
Sarikei	24	14.92
Selangau	11	0.69
Serian	45	18.93
Sibu	55	5.86
Sibuti	31	29.29
Sri Aman	20	4.50
Stampin	27	29.70
Tanjong Manis	24	1.36



PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
PULAU PINANG	795	361.47
Bagan	49	14.83
Balik Pulau	97	66.07
Batu Kawan	23	5.02
Bayan Baru	64	129.67
Bukit Bendera	26	4.50
Bukit Gelugor	31	5.13
Bukit Mertajam	89	41.15
Jelutong	56	1.89
Kepala Batas	99	8.36
Nibong Tebal	73	13.73
Permatang Pauh	58	4.24
Tanjong	56	46.10
Tasek Gelugor	76	20.77



PARLIMEN	BIL KOPERASI	PEROLEHAN (RM JUTA)
WILAYAH PERSEKUTUAN	1,137	5,502.05
Bandar Tun Razak	24	7.16
Batu	27	715.98
Bukit Bintang	43	543.34
Cheras	54	38.48
Kepong	682	883.13
Lembah Pantai	56	326.48
Putrajaya (WP)	47	15.65
Segambut	17	66.53
Seputeh	15	225.93
Setiawangsa	25	170.90
Titiwangsa	110	2,474.73
Wangsa Maju	37	33.72


BILANGAN KOPERASI DAN KEANGGOTAAN

Bilangan koperasi adalah berbeza di seluruh Malaysia. Selangor mempunyai bilangan koperasi tertinggi iaitu sebanyak 2,010 buah koperasi, diikuti dengan Sabah sebanyak 1,707 buah koperasi, Perak sebanyak 1,694 buah koperasi, Johor sebanyak 1,462 buah koperasi, Sarawak sebanyak 1,159 buah koperasi, Pahang sebanyak 1,146 buah koperasi dan Wilayah Persekutuan sebanyak 1,137 buah koperasi.

Manakala negeri-negeri lain mempunyai kurang daripada 1,000 buah koperasi berdaftar.

Dari segi bilangan keanggotaan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan bilangan keanggotaan sebanyak 2,560,209 merangkumi 35% keseluruhan keanggotaan koperasi pada tahun 2022. Perlis pula menjadi negeri terendah dengan keanggotaan sebanyak 63,216 orang diikuti dengan Pulau Pinang sebanyak 167,339 orang.

Rajah 1.2: Perincian bilangan koperasi dan keanggotaan koperasi mengikut negeri bagi tahun 2022




Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

PENINGKATAN KEANGGOTAAN KOPERASI

Peranan koperasi dalam membangunkan komuniti dapat dirasai di seluruh pelosok negara apabila sehingga tahun 2022, seramai 7.3 juta

rakyat Malaysia iaitu 24% daripada jumlah penduduk warganegara merupakan anggota Koperasi dan mampu menyumbang syer sebanyak RM16.98 bilion, sekaligus membuktikan keutuhan gerakan koperasi di Malaysia.

Rajah 1.3: Kadar peratusan anggota Koperasi dalam kalangan warganegara



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Berdasarkan kepada statistik pada rajah 1.3 di atas, kadar peratusan anggota koperasi dalam kalangan warganegara menunjukkan pertumbuhan yang signifikan dengan purata pertambahan sebanyak 0.7% setiap tahun. Pertambahan yang paling ketara adalah pada tahun 2021 dengan pertambahan seramai 600 ribu keanggotaan iaitu sebanyak 1.8%.

Hasil daripada penelitian yang dibuat, salah satu faktor peningkatan keanggotaan dalam gerakan koperasi adalah hasil daripada pindaan Akta 502 yang dibuat pada tahun 2021 dengan mengurangkan bilangan minimum anggota untuk menubuhkan koperasi daripada 50 orang kepada 20 orang sahaja. Pindaan Akta ini menarik minat masyarakat untuk menubuhkan koperasi dengan proses penubuhan yang dipermudahkan.

KAEDAH PELAPORAN EKONOMI SEKTOR KOPERASI 2022

Sekiranya pada tahun-tahun sebelum ini, laporan prestasi pencapaian gerakan koperasi dihuraikan berdasarkan pengelasan Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (EPP), namun, fokus pelaporan ekonomi Sektor Koperasi pada tahun ini akan menggariskan prestasi berdasarkan konsep Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) yang dibangunkan berdasarkan International Standard Industrial Classification of All Economics (MSIC) Revision 4. Kaedah ini akan dipaparkan dalam Bab 2 dan Bab 3 dalam laporan ini.

KERJASAMA STRATEGIK SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA DENGAN KEMENTERIAN

Rajah 1.4: Kerjasama Strategik Pelbagai Agensi bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia

KEMENTERIAN	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Program Pengukuhan dan Memperkasa Koperasi Wanita 	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN Program MyFarm Outlet 	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN Program Coop Community Mart 
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR Program Desa Lestari 	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA • Program TUKAT & ATOM • Program Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-Keep) • Program Food Truck 	KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA • Young Entrepreneur Strive Success (YESS) • Program Pembangunan Koperasi Siswa 
AGENSI	JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA Halal Development Officer (HDO) 	LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM) MoU Pembangunan Koperasi Industri Getah 	ISKANDAR REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY (IRDA) MoU Village Enhancement Empowerment Programme (VEEP) 
	LEMBAGA KOKO MALAYSIA MoU Pembangunan Koperasi Kluster Koko di Semenanjung (Pahang)/ Sabah/ Sarawak 	UNIT PENERAJU AGENDA BUMIPUTERA High Performing & Enhancement Co-operative Program (HIPER) 	LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB) Pembangunan Koperasi Penanam Sawit Mampan 
	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR Koperasi Penternak Lembu Tenusu 	JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI Koperasi Orang Asli 	FELDA/ FELCRA/ RISDA Pembangunan Koperasi Institusi   

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Pada tahun 2022, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan telah membangunkan kedai koperasi (COOP Mart) di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya. Bagi menggalakkan penubuhan Coop Community Mart, bantuan infrastruktur dan modal pusingan sebanyak RM180 ribu diberikan oleh Kementerian dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada koperasi terpilih sebagai insentif dalam menyokong ekosistem pembangunan perniagaan koperasi yang kondusif dan mampan. Hal ini juga selaras dengan bidang tujuan 4 dalam Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 yang dilancarkan sebelum ini. Ia juga selari dengan sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) supaya pendapatan koperasi sebanyak RM100 bilion menjelang tahun 2030 dapat dicapai.

Pelancaran COOP Mart adalah sebahagian daripada inisiatif yang digerakkan oleh rangkaian koperasi melalui penglibatan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Sektor Koperasi bagi membentuk kolaborasi strategik rangkaian pusat pengedaran Sektor Koperasi yang akan mendapatkan bekalan barangan secara pukal untuk diedarkan kepada kedai-kedai koperasi di seluruh Malaysia. Skop bantuan ini bertujuan untuk membiayai kos Pembangunan Sistem Pengurusan Sektor Pemborongan dan Peruncitan Koperasi terhadap pusat pengedaran koperasi (DC/Sub-DC) termasuklah perkakasan, perisian serta kerja-kerja perkhidmatan.

Program Desa Lestari (PDL) juga merupakan salah satu program melibatkan kerjasama diantara Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Program ini diperkenalkan bermula 2013 di bawah program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) merupakan antara inisiatif Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

bagi mentransformasi kawasan luar bandar dan meningkatkan taraf hidup masyarakatnya.

Objektif program adalah untuk meningkatkan pengupayaan komuniti dalam merancang serta menjayakan pelaksanaan projek pembangunan yang dipacu oleh Agensi Pelaksana dan Pembayar di kampung serta memperkasa aktiviti ekonomi dan keusahawanan penduduk kampung melalui koperasi dengan membuka peluang pekerjaan baharu serta peluang peningkatan pendapatan kepada penduduk. Terdapat enam sektor ekonomi di bawah PDL ini iaitu penternakan, peruncitan, pertanian, pelancongan, perkhidmatan dan pembuatan manakala kumpulan sasaran adalah masyarakat luar bandar khususnya belia dan ketua isi rumah. Koperasi berperanan menjadi ejen pembangunan ekonomi di peringkat kampung. Koperasi juga bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek yang akan melibatkan ahli atau pekerja dari kalangan penduduk kampung.

Kampung-kampung yang terpilih di bawah PDL perlu melaksanakan projek-projek ekonomi melalui entiti koperasi sebagai penggerak selaras dengan ketetapan Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 – *21st Century Village* (Co-operative Driven). Koperasi yang ditubuhkan hendaklah diberi keutamaan keanggotaannya kepada penduduk kampung seperti yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Kecil (UUK) Koperasi masing-masing. Fokus utama pelaksanaan projek di bawah PDL adalah untuk skop pembangunan ekonomi Koperasi di mana, peruntukan adalah untuk perbelanjaan bagi projek ekonomi, pembangunan infrastruktur awam dan pembangunan modal insan serta kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan / *Government Link Companies* (GLCs), pihak industri, Institusi Pengajian Tinggi dan pihak swasta. Proses pelaksanaan PDL merangkumi lima fasa yang terdiri daripada peringkat perancangan dan pencalonan, pemilihan, penilaian, pelaksanaan dan pemantauan serta penamatan.

Rajah 1.5: Program Desa Lestari



Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Rajah 1.6: 6 Kriteria Pemilihan Kampung Desa Lestari



Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

SOKONGAN KERAJAAN NEGERI

Dalam usaha memperkasakan Sektor Koperasi di seluruh negara, peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri juga memberikan impak yang signifikan kepada perolehan Sektor Koperasi di negeri-negerinya. Hal ini dapat dilihat daripada langkah transformasi yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memperkasakan koperasi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi negeri yang mampan dan inklusif.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak RM300 ribu bagi Bantuan Penang 2030 Coop Grant pada tahun 2022 dan geran ini telah diluluskan sejak tahun 2021 dengan jumlah peruntukan yang sama. Sejak itu, sebanyak 74 buah koperasi di Pulau Pinang telah menerima manfaat hasil daripada inisiatif bantuan ini sekaligus mampu menyumbang kepada peningkatan perolehan bagi Sektor Koperasi di Pulau Pinang.

Selain itu, Sektor Koperasi di Johor juga mendapat sokongan dan kepercayaan Kerajaan negeri dan agensi lain seperti Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB) bagi membiayai projek-projek Sektor Koperasi yang berdaya maju dan bermanfaat kepada komuniti setempat.

Pada tahun 2022, Sektor Koperasi di Johor terus mendapat kepercayaan Kerajaan Negeri dan disalurkan peruntukan sebanyak RM1.5 juta bagi membantu koperasi kecil dan mikro dalam usaha untuk memulakan semula aktiviti perniagaan koperasi. Inisiatif yang diambil oleh kerajaan-kerajaan negeri ini adalah selari dengan hasrat Suruhanjaya Koperasi Malaysia dalam memacukan pembangunan koperasi yang lebih progresif sekaligus memberi manfaat kepada sosioekonomi rakyat selari dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM).



Kredit: Buletin Mutiara

SISIPAN GERAKAN KOPERASI NEGARA JEPUN

Koperasi memainkan peranan utama dalam pembangunan ekonomi Negara Jepun. Koperasi membentuk tunjang utama ekonomi luar bandar melalui sektor pertanian, perikanan dan perhutanan. Seterusnya ia berkembang dari luar bandar ke bandar, petani kepada pengguna, dan muda kepada warga tua. Koperasi menyentuh semua lapisan masyarakat Jepun. Akar-akar gerakan koperasi di Jepun bermula pada awal 1800-an apabila organisasi bersama golongan yang terdedah secara sosial telah dibentuk buat kali pertama. Pertanian, pengguna,

kredit, perikanan dan perhutanan merupakan antara fungsi utama koperasi yang dijalankan dalam tempoh tersebut.

Buat masa ini, bilangan koperasi yang ditubuhkan di Negara Jepun ialah sebanyak 42 ribu koperasi dengan bilangan kakitangan seramai 570 ribu orang. Manakala dari segi keanggotaan koperasi pula adalah seramai 105 juta anggota. Koperasi di Jepun juga terdiri dari pelbagai sektor termasuk pertanian, perhutanan, perikanan, pengguna, pekerja, kewangan dan insurans.

Di Jepun, terdapat 17 entiti yang wujud sebagai Apex atau Federasi kepada gerakan koperasi di sana dalam pelbagai fungsi seperti berikut:

26

	Apex / Federasi	Fokus
01 >>	Central Union of Agriculture Cooperative (JA-ZENCHU)	Persatuan untuk Koperasi Pertanian
02 >>	Japanese Consumers' Cooperative Union (JCCU)	Persatuan untuk Koperasi Pengguna
03 >>	IE-NO-HIKARI Association	Organisasi penerbitan dan kebudayaan Koperasi Pertanian yang bertujuan untuk meningkatkan pertanian dan budaya luar bandar.
04 >>	Japan Cooperative Insurance Association Incorporated (JCIA)	Perlindungan insuran kepada koperasi-koperasi
05 >>	Japanese Workers' Cooperative Union (JWCU)	Kebajikan pekerja-pekerja koperasi
06 >>	Japanese Health and Welfare Cooperative Federation (HeW Coop)	Kesihatan dan kebajikan anggota koperasi
07 >>	National Association of Labour Banks	Institusi bank untuk pekerja koperasi
08 >>	National Federation of Agricultural Cooperative Associations - ZEN-NOH	Persatuan koperasi yang ditubuhkan untuk tujuan melindungi dan menambah baik pertanian dan mata pencarian oleh petani yang saling membantu antara satu sama lain.
09 >>	National Federation of Fisheries Cooperative Association	Persatuan koperasi yang ditubuhkan untuk tujuan melindungi dan menambah baik mata pencarian oleh nelayan
10 >>	National Federation of Forest Owners' Cooperative Associations (ZENMORI-REN)	Persatuan koperasi yang ditubuhkan untuk tujuan melindungi dan menambah baik mata pencarian pembalok dan pemilik yang saling membantu antara satu sama lain
11 >>	National Federation of University Cooperative Associations (NFUCA)	Persatuan koperasi universiti

12	»	<i>National Federation of Workers and Consumers Kyosai Cooperatives (Kokumin Kyosai Coop-ZENROSAI)</i>	Menyediakan asuransi dan bantuan bersama untuk ahlinya, di bawah seliaan Kementerian Kesehatan, Buruh dan Kebajikan dan Undang-undang Koperasi Sara Hidup Pengguna
13	»	<i>National Mutual Insurance Federation of Agricultural Cooperatives (ZENKYOREN)</i>	Persatuan yang mengendalikan perniagaan insurans hayat dan bukan hayat petani di Jepun dan untuk meningkatkan taraf hidup ahli (peladang) melalui perlindungan insurans
14	»	<i>The Japan Agricultural News (Nihon-Nogyo-Shimbun)</i>	Entiti berita pertanian Jepun
15	»	<i>The Norinchukin Bank (Central Cooperative Bank for Agriculture and Forestry)</i>	Bank yang menyokong pertanian, perhutanan dan perikanan, makanan dan gaya hidup tempatan
16	»	<i>Japan Cooperative Alliance (JCA)</i>	Persekutuan Koperasi Jepun
17	»	<i>Japan Co-op Insurance Consumers' Cooperative Federation (JCIF)</i>	Perlindungan insuran kepada koperasi-koperasi

Sumber: International Co-operative Alliance – kutipan data 2018

Selain itu, terdapat 10 akta berkaitan koperasi yang diselia oleh pelbagai kementerian dan agensi di Jepun seperti berikut:

- i. Agricultural Cooperatives Act, 1947 - Untuk koperasi pertanian dan berada di bawah seliaan Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (MAFF) dan Agensi Perkhidmatan Kewangan (FSA).
- ii. Consumer Cooperatives Act, 1948 - Didedikasikan kepada koperasi pengguna dan berada di bawah seliaan Kementerian Kesehatan, Buruh dan Kebajikan (MHLW).
- iii. Fisheries Cooperatives Act, 1948 - Untuk koperasi perikanan dan berada di bawah seliaan Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (MAFF) dan Agensi Perkhidmatan Kewangan (FSA)
- iv. SME Cooperatives Act, 1949 - Didedikasikan kepada koperasi PKS dan berada di bawah seliaan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI)
- v. Act on Cooperative Banking, 1949 - Untuk koperasi kredit dan berada di bawah seliaan Agensi Perkhidmatan Kewangan (FSA)
- vi. Shinkin Bank Act, 1951 - Didedikasikan kepada Bank Shinkin dan berada di bawah seliaan Agensi Perkhidmatan Kewangan (FSA)

- vii. Labor Bank Act, 1953 - Didedikasikan kepada Bank Buruh dan berada di bawah seliaan Agensi Perkhidmatan Kewangan (FSA) Kementerian Kesehatan, Buruh dan Kebajikan (MHLW).
- viii. Tobacco Growers Cooperative Act, 1958 - Didedikasikan kepada Koperasi Penanam Tembakau dan berada di bawah seliaan Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (MAFF) dan Agensi Perkhidmatan Kewangan (FSA)
- ix. Forest-Owners Cooperative Act, 1978 - Didedikasikan kepada Koperasi Pemilik Hutan dan berada di bawah seliaan Kementerian Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan (MAFF)
- x. Norinchukin Bank Act, 2001 - Didedikasikan kepada Bank Norinchukin dan berada di bawah seliaan Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (MAFF) dan Agensi Perkhidmatan Kewangan (FSA)

Tahap 'kemesraan koperasi' dari aspek perundangan koperasi Jepun berbeza dari sektor ke sektor. Contohnya, Akta Koperasi Pertanian lebih mesra kepada koperasi pertanian sebagai alat utama untuk melaksanakan dasar pertanian bersama-sama subsidi dan layanan cukai yang menggalakkan. Manakala Akta Koperasi Pengguna dilihat tidak mesra kepada koperasi pengguna di bawah tekanan peruncit kecil luar yang menyebabkan peraturan lebih ketat mengenai perdagangan dari desakan bukan anggota koperasi.

KESIMPULAN

Tahun 2022 merupakan tahun yang mencabar bagi dunia. Namun Malaysia dapat memberikan impak prestasi KDNK yang tinggi menunjukkan bahawa kemampanan ekonomi Malaysia yang semakin baik dan berkembang. Sektor Koperasi juga tidak terkecuali mendapat pelbagai bantuan dan manfaat yang

menjadikan pertumbuhan koperasi semakin berkembang dari segi ekonomi, keanggotaan dan bilangan koperasi itu sendiri. Walaupun sumbangan ekonomi koperasi hanya memberikan kesan kecil kepada KDNK, namun ia turut diambilkira bagi memperlihatkan bahawa Sektor Koperasi sebagai penyumbang ketiga dalam KDNK negara.



Bab 2

AKTIVITI EKONOMI KOPERASI

Pengenalan

Aktiviti Kewangan

Sisipan – Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad

Aktiviti Pertanian

Sisipan – Koperasi Ladang Berhad

Aktiviti Perdagangan, Borong dan Runcit

Sisipan – Koperasi Peneroka Felda Aring Satu Gua Musang Berhad

Bab 2 Aktiviti Ekonomi Koperasi

PENGENALAN

Peranan gerakan koperasi sebagai sektor ketiga menjadi semakin penting dan berasaskan prinsip-prinsip koperasi, kewujudan koperasi adalah untuk memberi perkhidmatan kepada anggota-anggotanya. Bagi membolehkan koperasi memainkan peranan sebagai agen pembangunan negara sejajar dengan keperluan Dasar Keusahawanan Negara 2030, Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 diperkenalkan sebagai satu panduan untuk menyediakan pelan tindakan yang holistik bagi Pembangunan Gerakan Koperasi di Malaysia. Pelan ini memberi tumpuan kepada pertumbuhan sosioekonomi negara yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan.

Peningkatan ekonomi koperasi pada tahun 2022 disumbangkan oleh aktiviti kewangan yang kukuh dengan peningkatan jumlah pengeluaran pembiayaan berikutan pembukaan sektor ekonomi oleh kerajaan apabila pemulihan ekonomi negara dari wabak COVID-19 bermula 1 April 2022. Pada tahun 2022, Sektor Koperasi mempunyai aset sebanyak RM159.6 bilion dan jumlah syer dan yuran sebanyak RM16.98 bilion dengan bilangan anggota seramai 7.3 juta orang.

Perolehan Sektor Koperasi pada tahun 2022 telah disumbangkan oleh tiga (3) aktiviti ekonomi utama yang mewakili 97% atau sebanyak RM40 bilion iaitu aktiviti kewangan dan insuran/takaful, aktiviti pertanian, perhutanan dan perikanan dan aktiviti perdagangan borong dan runcit.

Jadual 2.1: Jumlah perolehan mengikut aktiviti ekonomi bagi tahun 2022

Bil	Aktiviti Ekonomi	Jumlah (RM bilion)
1	Kewangan	37.24
2	Pertanian	1.81
3	Perdagangan Borong Dan Runcit	1.07
4	Aktiviti Lain	5.38
Jumlah		45.50

Aktiviti Kewangan adalah penyumbang utama menyumbang sebanyak 90% daripada keseluruhan perolehan koperasi di negara ini dengan jumlah RM37.24 bilion. Kedua tertinggi ialah aktiviti Pertanian yang telah menyumbang sebanyak 4% diikuti

oleh Aktiviti Perdagangan Borong Dan Runcit menyumbang sebanyak 3%. Walaupun ekonomi semasa dunia dan negara meningkat dengan perlahan namun Sektor Koperasi masih mampu meningkatkan perolehan tahunannya.

AKTIVITI KEWANGAN

Aktiviti Kewangan merupakan tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi gerakan koperasi di Malaysia. Pada tahun 2022, terdapat 15,315 koperasi berdaftar di Malaysia dan daripada jumlah ini 595 buah koperasi menjalankan aktiviti kewangan dan insuran/takaful. Terdapat dua (2) co-opbank, 561 koperasi yang menjalankan aktiviti kredit dan Ar-Rahnu dan 32 koperasi menjalankan aktiviti insuran/takaful. Pada tahun 2022, Aktiviti Kewangan dan Insuran/Takaful mempunyai aset sebanyak RM140.76 bilion dan jumlah syer dan yuran sebanyak RM11.12 bilion dengan bilangan anggota seramai 2.4 juta orang.

Kekuatan gerakan koperasi adalah dalam aktiviti perkhidmatan kewangan masih diperingkat awal yang berpotensi untuk berkembang. Perkhidmatan kewangan yang merangkumi aktiviti perbankan, kredit dan mikro kredit serta Ar-Rahnu menyumbang kepada jumlah tertinggi pendapatan sebanyak RM5.89 bilion atau 99% dalam tahun 2022. Manakala pendapatan bagi aktiviti insuran masih rendah hanya mewakili 1% atau RM10.29 juta daripada keseluruhan pendapatan bagi aktiviti kewangan dan insuran/takaful untuk tahun 2022.

Aktiviti perbankan memainkan peranan utama dalam menyumbangkan pendapatan kepada aktiviti perkhidmatan kewangan koperasi dan juga pendapatan keseluruhan dalam Sektor Koperasi. Terdapat dua (2) buah bank koperasi yang telah diiktiraf iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (Co-opbank Pertama). Pada tahun 2022, aktiviti perbankan mewakili 82% daripada keseluruhan pendapatan bagi aktiviti perkhidmatan kewangan yang di mana kedua-dua bank ini memberi fokus kepada pembiayaan peribadi iaitu Bank Rakyat sebanyak 64% dan Co-opbank sebanyak 73% daripada keseluruhan operasi bank masing-masing. Secara keseluruhan, Bank Rakyat menjana keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.7 bilion dan Co-opbank sebanyak RM103.5 juta dengan jumlah aset bagi kedua-dua bank adalah sebanyak RM125 bilion bagi tahun 2022.

Aktiviti Ar-Rahnu semakin berkembang dan mendapat sambutan dalam Sektor Koperasi. Ar-Rahnu menyediakan kemudahan

kredit secara mudah dan cepat kepada masyarakat terutamanya golongan berpendapatan rendah untuk kegunaan sebagai modal perniagaan kecil-kecilan dan lain-lain aktiviti bagi membangunkan sosioekonomi setempat. Ar-Rahnu juga adalah alternatif kepada masyarakat untuk memenuhi keperluan tunai melalui transaksi gadaian yang berlandaskan hukum syarak.

Pada tahun 2022, pendapatan bagi aktiviti Ar-Rahnu adalah sebanyak RM37.6 juta yang melibatkan lebih dari 100 buah koperasi dengan jumlah pembiayaan yang dikeluarkan sebanyak RM369.9 juta. Co-opbank menyumbang kepada pendapatan utama aktiviti Ar -Rahnu dengan jumlah sebanyak RM18.34 juta yang mewakili 48.8% daripada keseluruhan pendapatan Ar-Rahnu.

Selain koperasi, aktiviti Ar-Rahnu juga turut dilaksanakan oleh syarikat-syarikat subsidiari milik koperasi dan entiti-entiti berkaitan seperti Rakyat Management Services Sdn. Bhd. yang merupakan subsidiari kepada Bank Rakyat. Manakala Pos Malaysia Berhad melaksanakan aktiviti Ar-Rahnu di bawah Koperasi Pos Nasional Berhad dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) bersama Koperasi YaPEIM Malaysia Berhad.

SISIPAN KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD

Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (Co-opbank Pertama) merupakan koperasi kedua selepas Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad yang menjalankan aktiviti perbankan. Pada tahun 2022, Co-opbank Pertama mencatatkan pendapatan sebanyak RM407.31 juta dengan jumlah pembiayaan yang dikeluarkan berjumlah RM5.04 bilion. Pendapatan bagi tahun 2022 didapati telah meningkat pada kadar 13.60% berjumlah RM48.77 juta berbanding tahun sebelumnya (2021: RM358.53 juta) berikutan daripada pengumuman kerajaan berkenaan peralihan dari pandemik kepada endemik COVID-19. Bermula pada 1 April 2022, Kerajaan telah membuka kebanyakan sektor utama perniagaan dalam negara yang menaikkan pasaran ekonomi yang memberi impak positif kepada pengeluaran pembiayaan Co-opbank Pertama. Sepertimana Bank Rakyat, Co-opbank Pertama merupakan sebuah institusi kewangan yang turut menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan yang patuh syariah seperti pembiayaan, deposit dan Ar Rahnu.

Bagi prestasi pada tahun 2022, Co-opbank Pertama mencatatkan keuntungan selepas cukai dan zakat sebanyak RM100.08

juta. Keuntungan ini didapati meningkat sebanyak 19.3% berbanding tahun sebelumnya (2021: RM83.83 juta). Peningkatan keuntungan tahun semasa membolehkan Co-opbank Pertama mengisytiharkan dividen lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

Jadual 2.2: Prestasi dividen Co-opbank Pertama

Tahun Kewangan		2019	2020	2021	2022
Modal Syer Anggota	Jumlah Syer (RM'000)	654,404	695,096	680,451	735,189
	Kadar (%)	5.5%	6.0%	6.1%	6.3%
	Jumlah Dividen (RM'000)	29,993	41,370	41,756	43,698
Syer Keutamaan (iRCPS)	Jumlah Syer (RM'000)	252,034	252,034	252,002	250,244
	Kadar (%)	5.5%	6.7%	6.82%	6.88%
	Jumlah Dividen (RM'000)	15,321	16,886	17,187	17,215

Islamic Redeemable Convertible Preference Shares (iRCPS) ialah Saham Keutamaan Boleh Tebus dan Boleh Ubah yang distrukturkan berdasarkan kepada prinsip Syariah Musyarakah dan Tanazul. Ia memberikan hak keutamaan dalam pengagihan keuntungan dan dividen kepada pemegang iRCPS berlandaskan prinsip Tanazul, manakala berkongsi kerugian secara samarata (pari passu) mengikut tanggungan liabiliti atas nisbah modal. Pulangan iRCPS adalah bercirikan pulangan tidak kumulatif berdasarkan purata kadar dividen modal syer bagi tempoh lima (5) tahun ditambah 70 mata asas. iRCPS akan matang dalam tempoh lima (5) tahun dan akan diubah secara automatik kepada syer anggota dan kemudiannya boleh ditebus mengikut terma dan syarat yang telah dinyatakan dalam prospektus penerbitan.

Bagi tahun 2022, jumlah modal syer Co-opbank Pertama turut berkembang kepada RM985.4 juta dengan peningkatan sebanyak 5.4% berbanding tahun 2021 yang hanya mencatat sebanyak

RM932.5 juta. Modal syer anggota diwakili oleh syer anggota individu sebanyak RM633.1 juta dengan keanggotaan seramai 90,365 orang dan syer anggota koperasi sebanyak RM352.3 juta dengan keanggotaan berjumlah 768 buah koperasi.

Jadual 2.3: Bilangan anggota Co-opbank Pertama untuk tempoh 4 tahun

Tahun Kewangan	2019	2020	2021	2022
Jumlah Syer (Anggota)	90,713	91,730	90,854	90,365
Jumlah Anggota (Koperasi)	707	729	747	768

Selari dengan peningkatan keuntungan bersih, jumlah aset Co-opbank Pertama juga turut meningkat sebanyak 27.3% iaitu dari RM7.73 juta pada tahun 2022 dan RM6.07 juta pada tahun 2021.

AKTIVITI PERTANIAN

Aktiviti Pertanian dalam Sektor Koperasi bermula sejak tahun 1923. Peranan aktiviti ini adalah penting dalam memastikan ketersediaan sumber makanan negara dan memastikan kestabilan harga bekalan makanan. Pada tahun 2022, sebanyak 3,233 buah koperasi telah menjalankan aktiviti pertanian dengan jumlah pendapatan sebanyak RM1.81 billion. Jumlah perolehan terkumpul koperasi meningkat sebanyak 59% berbanding tahun sebelumnya. Aktiviti utama dalam bidang pertanian adalah melibatkan aktiviti perladangan, estet getah, estet kelapa sawit, penanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan penanaman lain-lain.

Bagi Sektor Koperasi, penyumbang terbesar dalam aktiviti pertanian ialah Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad melalui aktiviti perladangan dengan pendapatan sebanyak RM596 juta pada tahun 2022. Koperasi ini mempunyai keanggotaan sebanyak 153 entiti koperasi dengan jumlah modal syer sebanyak RM11.64 juta dan Kumpulan Wang Anggota sebanyak RM14.41 juta. Penyumbang kedua tertinggi dalam aktiviti pertanian adalah Koperasi Serbausaha Makmur Berhad melalui aktiviti perladangan yang menjana pendapatan sebanyak RM237 juta yang telah memberi manfaat kepada 1430 orang anggota. Koperasi juga telah berjaya menjana aset bernilai RM877 juta dan Kumpulan Wang Anggota berjumlah RM577 juta.

Jadual 2.4: Senarai koperasi utama dalam bidang pertanian

Nama Koperasi	2022 Pendapatan (RM)	2022 Kumpulan Wang Anggota (RM)	2022 Aset (RM)
Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad	649,549,458	17,365,565	37,511,032
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad	237,564,569	577,386,126	877,214,609
Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad	201,508,266	2,488,887	4,094,300
Koperasi Ladang Berhad	101,279,877	78,367,481	132,158,883
Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (NARSCO)	26,577,912	(2,079,893)	37,842,269
Koperasi Wawasan Felcra Sungai Sepuluh Paloh Kluang Berhad	21,493,858	3,628,485	6,352,187
Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Kota Marudu Berhad	16,864,238	548,366	3,022,142
Koperasi Green Sabah Berhad	15,004,016	29,011,081	29,429,147
Koperasi Penanam Sawit Mampan Niah-Suai Berhad	13,994,161	501,570	703,175
Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad	13,775,109	32,363,810	87,171,638

SISIPAN KOPERASI LADANG BERHAD

Koperasi Ladang Berhad yang didaftarkan pada 7 Januari 1970 dan menjalankan aktiviti utama iaitu aktiviti jualan buah tandan segar (BTS), jualan input pertanian seperti baja, racun dan peralatan ladang dan ternakan lembu dan burung walit.

Jumlah pendapatan Koperasi pada tahun 2022 adalah sebanyak RM101.9 juta meningkat sebanyak 39.6% berbanding tahun 2021 yang mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM72.98 juta. Semua aktiviti utama Koperasi dan aktiviti lain-lain menunjukkan peningkatan dalam tahun 2022 berbanding tahun 2021 seperti berikut:

Jadual 2.5: Prestasi Koperasi Ladang Berhad

Nama Aktiviti	Jualan 2021 (RM)	Jualan 2022 (RM)	Perubahan (%)
Buah Tandan Segar	44,924,470	52,246,732	16%
Input Pertanian	24,427,474	42,703,591	75%
Ternakan Lembu dan Burung Walit	1,332,434	4,537,386	241%
Aktiviti Lain	1,766,235	1,792,168	1%
Pendapatan Lain	526,009	599,034	14%
JUMLAH	72,976,622	101,878,911	

Bagi meningkatkan prestasi aktiviti Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang bertanggungjawab dalam menyelia dan memantau koperasi di Malaysia telah memberikan insentif dan kemudahan kewangan untuk membantu aktiviti perniagaan Koperasi. Koperasi telah menerima pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP-SKM) berjumlah RM5 juta pada tahun 2016 untuk meningkatkan operasi aktiviti perladangan dan Bantuan Geran Pembangunan pada tahun 2021 berjumlah RM125 ribu bertujuan menampung perbelanjaan ke atas aktiviti yang dijalankan.

Terdapat penurunan bilangan keanggotaan Koperasi pada tahun 2022 seramai 3,283 berbanding tahun sebelumnya (2021: 3,323). Manakala modal syer pada tahun 2022 adalah sebanyak RM9.47 juta berbanding RM9.08 juta pada tahun 2021.

AKTIVITI PERDAGANGAN, BORONG DAN RUNCIT

Aktiviti perdagangan borong dan runcit merupakan salah satu aktiviti koperasi yang memberi impak yang memberangsangkan kepada perolehan koperasi setiap tahun. Melalui aktiviti ini, koperasi dapat membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat dalam mendepani cabaran ekonomi melalui program Jualan Harga Patut yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dalam program Koperasi di seluruh Malaysia. Aktiviti perdagangan, borong dan runcit antara penyumbang utama kepada pendapatan Sektor Koperasi. Ini dapat dibuktikan dengan merujuk pencapaian mengikut aktiviti yang telah dicatatkan pada tahun 2022 dengan jumlah perolehan keseluruhan berjumlah RM1.08 bilion iaitu peningkatan sebanyak 6.03% berbanding RM1.02 bilion pada tahun 2021.

Pada tahun 2022, sebanyak 5,699 buah koperasi telah terlibat dalam pelaksanaan aktiviti perdagangan, borong dan runcit yang meliputi pelbagai sub aktiviti. Jadual 2.6 menunjukkan terdapat 17 sub aktiviti di bawah aktiviti perdagangan, borong dan runcit yang memberikan impak kepada perolehan sektor ini.

Jadual 2.6: Sub aktiviti di bawah aktiviti perdagangan, borong dan runcit

Sub Aktiviti	Perolehan (RIBU)	Peratusan (%)
Stesen Minyak Dan Peruncitan Minyak	RM 402,429.20	37.30
Jual Runcit Buku, Majalah, Surat Khabar Dan Alat Tulis	RM 165,657.87	15.34
Kedai Runcit	RM 103,966.20	9.63
Coop Community Mart / Kedai Runcit (Outlet)	RM 86,478.26	8.03
Lain-Lain	RM 76,738.25	7.12
Lesen Borong / Runcit	RM 60,827.64	5.70
Pasaraya	RM 40,138.37	3.80
Produk Coop	RM 37,173.10	3.50
Kedai Runcit (TUKAR)	RM 29,257.79	2.71
Jual Runcit Bahan Api	RM 26,833.34	2.49
Pasar Mini	RM 17,915.83	1.67
Kedai Coop 1 Malaysia	RM 8,813.34	0.83
Stor Serbaneka & Pasaraya	RM 8,285.54	0.77
Jual Runcit Melalui Gerai & Pasaraya	RM 6,597.93	0.62
Jual Runcit Tekstil, Linen, Tuala & Selimut	RM 3,759.19	0.35
Produk Coop 1 Malaysia	RM 1,196.76	0.12
Jual Runcit Komputer, Peralatan	RM 142,902.00	0.02
JUMLAH	RM 1,079,769.58	100

Berdasarkan jadual 2.6, 3 sub aktiviti yang merekodkan perolehan tertinggi iaitu Stesen Minyak Dan Peruncitan Minyak, Jual Runcit Buku, Majalah, Surat Khabar Dan Alat Tulis dan Kedai Runcit yang mewakili 62.27% jumlah keseluruhan perolehan dengan sebanyak 2,157 buah koperasi yang terlibat.

Sub aktiviti Stesen Minyak & Peruncitan Minyak merupakan penyumbang utama kepada pencapaian perolehan sektor ini iaitu sebanyak RM402.4 juta berbanding RM229.2 juta pada tahun 2021 dengan kenaikan sebanyak 76%. Sub aktiviti ini telah menjana sebanyak 37.3% daripada jumlah keseluruhan aktiviti ini dengan penglibatan lebih 60 buah koperasi dalam dan luar bandar. Ini menunjukkan koperasi semakin ke hadapan dengan menjalankan aktiviti stesen minyak dan peruncitan minyak yang banyak memberi sumbangan kepada anggota koperasi khususnya dan penduduk persekitaran amnya.

Jadual 2.7: Tiga koperasi menjana pendapatan tertinggi bagi tahun 2022 melalui sub aktiviti stesen minyak dan peruncitan minyak

Bil	Nama Koperasi	Pendapatan Sub Aktiviti Stesen Minyak dan Peruncitan Minyak (RM Juta)
1	Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad	60.2
2	Koperasi Kakitangan Petronas Berhad	51.3
3	Koperasi LLM Berhad	43.8

Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad menunjukkan pendapatan tertinggi bagi sub aktiviti ini iaitu berjumlah RM60.2 juta pada tahun 2022 berbanding RM39.9 juta pada tahun 2021 dengan peningkatan sebanyak 51%. Koperasi ini mempunyai 4 buah cawangan stesen minyak iaitu Stesen Minyak Petronas, Jalan Tun Abdul Razak, Alor Setar, Stesen Minyak Caltex Changloon, Stesen Minyak Shell, Jalan Langgar dan terbaharu Stesen Minyak Petron Alor Sena. Koperasi ini juga telah diiktiraf sebagai 100 koperasi terbaik Malaysia Tahun 2022 dengan menduduki ranking ke-12 dengan keanggotaan seramai 4,177 orang.



35

Gambar 1 : Stesen Minyak Petron Alor Sena milik Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad



Gambar 2 : Majlis Perasmian Stesen Minyak Petron Alor Sena milik koperasi yang telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Zazali Bin Haron, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 22 November 2022

SISIPAN KOPERASI PENEROKA FELDA ARING SATU GUA MUSANG BERHAD

Suruhanjaya Koperasi Malaysia memainkan peranannya dalam memastikan setiap koperasi dapat melaksanakan aktiviti yang telah dirancang dengan memberikan pinjaman melalui TMP-SKM dan juga geran bantuan berdasarkan kepada prestasi dan keperluan koperasi. Selain itu, Suruhanjaya Koperasi Malaysia turut mengambil inisiatif dengan mensasarkan koperasi luar bandar dalam menjana ekonomi koperasi.

Sebagai contoh, Koperasi Peneroka FELDA Aring Satu Gua Musang Berhad yang telah didaftarkan pada 2 September 1991 merupakan

koperasi luar bandar yang berjaya menjana pendapatan melalui aktiviti stesen minyak, kontrak pertanian dan perkhidmatan sewaan rumah kedai dan backhoe. Aktiviti stesen minyak merupakan aktiviti utama yang dijalankan oleh koperasi dengan menjana pendapatan berjumlah RM4.76 juta pada tahun 2022 berbanding RM2.67 juta pada tahun 2021 dengan peningkatan pendapatan sebanyak 78%. Koperasi juga telah menerima bantuan bagi menaiktaraf stesen minyak daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia berjumlah RM243 ribu. Dengan adanya stesen minyak yang dijalankan oleh koperasi ini, ia dapat memudahkan penduduk sekitar tanpa perlu keluar ke luar bandar bagi mengisi minyak untuk menjalankan aktiviti harian dan secara tidak langsung ia juga dapat membuka ruang pekerjaan kepada penduduk sekitarnya.

36



Gambar 3 : Stesen minyak yang diusahakan oleh koperasi peneroka FELDA Aring Satu Gua Musang Berhad

Bab 3

PRESTASI EKONOMI KOPERASI

Sorotan Penting


Pendahuluan

Prestasi Ekonomi Sektor Koperasi 2022


Tinjauan Ekonomi Sektor Koperasi 2023



Kesimpulan

SOROTAN PENTING



38





Bab 3 PRESTASI EKONOMI KOPERASI


PENDAHULUAN

Bab ini melaporkan prestasi ekonomi Sektor Koperasi pada tahun 2022 yang menunjukkan perubahan dalam struktur ekonomi Sektor Koperasi akibat daripada kewujudan aktiviti dan persekitaran ekonomi baru serta pacuan dari kemajuan teknologi dan digitalisasi. Perkembangan positif ini menunjukkan koperasi tetap terus berusaha untuk mengekalkan kedudukan sebagai penyumbang ketiga terpenting dalam ekonomi negara.

PRESTASI EKONOMI SEKTOR KOPERASI 2022

Pada tahun 2022, perolehan Sektor Koperasi berjumlah RM45.5 bilion, meningkat 20% berbanding tahun sebelumnya (2021: RM37.8 bilion), iaitu positif dan lebih tinggi berbanding pertumbuhan yang negatif (-9%) pada tahun 2021. Secara puratanya, pertumbuhan perolehan Sektor Koperasi dalam tempoh 10 tahun (2012 – 2022) adalah 4% (CAGR).

Rajah 3.1 : Prestasi perolehan Sektor Koperasi tahun 2012 hingga 2022 (RM Bilion)




Perolehan Sektor Koperasi

Perolehan Sektor Koperasi disumbangkan oleh dua aktiviti utama iaitu daripada aktiviti kewangan dan aktiviti bukan kewangan. Komposisi perolehan Sektor Koperasi pada tahun


2022 semakin didominasi oleh aktiviti kewangan iaitu sebanyak 89% berbanding tahun sebelumnya (2021 : 87%). Manakala sumbangan aktiviti bukan kewangan kepada perolehan Sektor Koperasi semakin berkurangan iaitu sebanyak 11% berbanding tahun sebelumnya (2021: 13%).

Rajah 3.2 : Pecahan perolehan Sektor Koperasi tahun 2021 dan 2022



Prestasi Perolehan Sektor Koperasi

Rajah 3.3 : Prestasi perolehan Sektor Koperasi tahun 2018 hingga tahun 2022




Prestasi peningkatan perolehan dipacu oleh pertumbuhan dalam setiap aktiviti utama Sektor Koperasi iaitu aktiviti kewangan dan aktiviti bukan kewangan koperasi yang semakin pulih dari pandemik yang melanda. Pertumbuhan dalam aktiviti kewangan pada tahun 2022 meningkat sebanyak 21% berbanding tahun sebelumnya (2021: -12%) yang menunjukkan prestasi berbelanja semakin meningkat dalam kalangan anggota koperasi selaras dengan peralihan ekonomi negara kepada fasa endemik. Keadaan ini mencerminkan bahawa aktiviti ekonomi anggota koperasi semakin meningkat. Selain itu, pertumbuhan dalam aktiviti bukan kewangan koperasi pada tahun 2022 meningkat menyederhana sebanyak 3% berbanding tahun sebelumnya (2021: 21%) yang mencerminkan aktiviti dalam kalangan koperasi semakin pulih dan terus berkembang selaras dengan pemulihan dan peralihan ekonomi.

AKTIVITI UTAMA SEKTOR KOPERASI

Aktiviti Kewangan

Rajah 3.4 : Pecahan aktiviti kewangan tahun 2021 dan tahun 2022



Dalam Sektor Koperasi, perolehan digembleng oleh aktiviti kewangan dan aktiviti bukan kewangan. Pada tahun 2022, komposisi perolehan dalam ekonomi Sektor Koperasi kekal didominasi oleh aktiviti kewangan iaitu sebanyak 89%, meningkat berbanding tahun sebelumnya (2021: 87%). Sub aktiviti yang menyumbang terhadap peningkatan dalam aktiviti kewangan ialah aktiviti pinjaman sebanyak 79.7% meningkat berbanding


tahun sebelumnya (2021: 75.9%). Seterusnya adalah pendapatan faedah sebanyak 14.3% berkurangan sumbangannya berbanding tahun sebelumnya (2021: 16.8%). Selain itu, sub aktiviti lain yang menyumbang kepada aktiviti kewangan ialah aktiviti pelaburan sebanyak 4.3% berkurangan berbanding tahun sebelumnya (2021: 5.4%), aktiviti Ar-Rahnu sebanyak 0.5% dan lain-lain aktiviti kewangan sebanyak 1.2%.

Aktiviti Bukan Kewangan

Merujuk kepada aktiviti bukan kewangan yang menyumbang sebanyak 11% daripada keseluruhan perolehan Sektor Koperasi adalah disumbangkan oleh aktiviti perkhidmatan sebanyak 64.4% berkurangan berbanding tahun sebelumnya (2021: 70.6%). Seterunya sub aktiviti yang menyumbang kepada aktiviti bukan


kewangan ialah aktiviti pertanian sebanyak 30.5% meningkat berbanding tahun sebelumnya (2021: 25.5%). Selain itu, sub aktiviti lain yang menyumbang dalam aktiviti bukan kewangan juga melibatkan aktiviti pembinaan sebanyak 4.6% dan aktiviti pembuatan sebanyak 0.5%, masing-masing telah meningkat berbanding tahun sebelumnya (2021: 3.5% dan 0.4%).

Rajah 3.5 : Pecahan aktiviti bukan kewangan tahun 2021 dan tahun 2022



Aktiviti Perkhidmatan


Rajah 3.6 : Pecahan sub aktiviti bukan kewangan (aktiviti perkhidmatan) tahun 2021 dan tahun 2022



Sub aktiviti yang terlibat dalam aktiviti perkhidmatan koperasi antara lain adalah aktiviti perkhidmatan pengguna, aktiviti perkhidmatan pengangkutan, aktiviti pelancongan dan kesihatan serta aktiviti perkhidmatan lain. Pada tahun 2022, sub aktiviti perkhidmatan pengguna merupakan aktiviti major dalam aktiviti perkhidmatan koperasi iaitu menyumbang sebanyak 51.6%, meningkat sumbangannya berbanding tahun sebelumnya (2021: 44.9%). Seterusnya sub aktiviti perkhidmatan lain yang terdiri daripada aktiviti usahasama, kontrak dan perkhidmatan lain menyumbang sebanyak 46%, berkurangan sumbangannya berbanding tahun sebelumnya (2021: 53.1%). Sub aktiviti yang turut menyumbang kepada aktiviti perkhidmatan ialah sub aktiviti perkhidmatan pengangkutan (1.8%) serta sub aktiviti perkhidmatan pelancongan dan kesihatan (0.6%), masing-masing telah meningkat sumbangannya berbanding tahun sebelumnya (2021: 1.6% dan 0.4%).

Aktiviti Pertanian

Rajah 3.7 : Pecahan sub aktiviti bukan kewangan (aktiviti pertanian) tahun 2021 dan tahun 2022



PRESTASI AKTIVITI UTAMA SEKTOR KOPERASI

Jadual 3.1 : Prestasi aktiviti utama Sektor Koperasi pada tahun 2021 dan 2022

Aktiviti Utama	(RM Juta)		% Perubahan
	2021	2022	
Aktiviti Kewangan	32,519	39,307	21
Aktiviti Bukan Kewangan	4,776	4,934	3

Aktiviti pertanian dikenalpasti sebagai penyumbang kedua terbesar (30.5%) kepada aktiviti bukan kewangan Sektor Koperasi yang merangkumi aktiviti pertanian, ternakan dan akuakultur. Sebanyak 97.7% pendapatan aktiviti pertanian koperasi adalah daripada sub aktiviti pertanian meningkat berbanding tahun sebelumnya (2021: 97.5%). Koperasi memperoleh hasil daripada jualan sub aktiviti pertanian seperti tanaman sawit, padi dan hasil singkat; seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman lain. Manakala aktiviti ternakan dan akuakultur masing-masing menyumbang sebanyak 1.9% dan 0.4%. Koperasi amat penting bagi peringkat komuniti dengan mewujudkan inisiatif pertanian, penternakan dan perikanan yang akan membantu penduduk setempat mendapat bekalan yang lebih mudah, cepat dengan harga yang jauh lebih murah dengan mengoptimalkan sumber semulajadi sedia ada.

Seiring dengan peralihan kepada fasa endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa, aktiviti perdagangan dan perniagaan menyumbang ke arah pemulihan yang stabil dalam semua aktiviti ekonomi. Fenomena pemulihan ini turut dirasakan oleh ekonomi Sektor Koperasi yang disokong dengan pertumbuhan dalam aktiviti kewangan dan aktiviti bukan kewangan. Aktiviti kewangan mengalami peningkatan yang drastik sebanyak 21%, (2022: RM39 billion) berbanding tahun sebelumnya (2021: 32 billion). Manakala aktiviti bukan kewangan menyederhana meningkat sebanyak 3%, (2022: 4.9 billion), berbanding tahun sebelumnya (2021: 4.7%).

Prestasi Aktiviti Kewangan

Jadual 3.2 : Prestasi aktiviti kewangan pada tahun 2021 dan 2022

Aktiviti Kewangan	Pendapatan (RM Juta)		% Perubahan
	2021	2022	
Pinjaman Diberi	24,690	31,334	27
Faedah Pinjaman	5,460	5,613	3
Pelaburan	1,762	1,692	-4
Ar-Rahnu	156	178	14
Lain-lain Aktiviti Kewangan	448	488	9

Aktiviti kewangan Sektor Koperasi terus menunjukkan daya tahan dalam tahun 2022 dan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak 21% walaupun masih berdepan dengan ketidak tentuan dalam fasa pemulihan ekonomi Negara. Dengan didorong oleh sentimen positif dalam kalangan koperasi dan anggota berikutan pembukaan semula semua aktiviti ekonomi negara, prestasi koperasi-koperasi kredit menunjukkan pertumbuhan kukuh.

Sumbangan aktiviti kewangan kepada perolehan Sektor Koperasi sebanyak RM39 bilion secara keseluruhannya disumbangkan oleh sub aktiviti kewangan iaitu aktiviti pinjaman, pelaburan, Ar-Rahnu dan lain-lain aktiviti kewangan. Sub aktiviti pinjaman merupakan penyumbang majoriti aktiviti kewangan, meningkat dengan drastik pada tahun 2022 sebanyak 27% (2022: RM 31 bilion) berbanding tahun sebelumnya (2021: RM 24 bilion). Seterusnya sub aktiviti kewangan yang bertumbuh kukuh adalah aktiviti Ar-Rahnu meningkat sebanyak 14% (2022: RM 156 juta) berbanding tahun sebelumnya (2021: RM 156 juta). Manakala aktiviti pelaburan pula telah mengalami kemelesetan berbanding tahun sebelumnya iaitu -4% (2022: RM1.69 bilion, 2021: RM 1.76 bilion).

Koperasi-koperasi yang menjalankan aktiviti kewangan terus memastikan aktiviti kewangan kekal menjadi sumber kekuatan bagi ekonomi Sektor Koperasi Malaysia. Biarpun berdepan dengan persekitaran yang sangat mencabar, aktiviti kewangan terus didokong oleh tahap permodalan yang kukuh. Kekuatan modal serta kemudahan mudah tunai yang teguh membolehkan koperasi kredit meneruskan pemberian pinjaman kepada koperasi lain, dan pada masa yang sama, menawarkan bantuan kepada anggota yang masih menghadapi kesukaran. Kekuatan

ini kekal penting untuk memelihara daya tahan koperasi kredit serta keyakinan anggota.

Dalam menghadapi volatiliti pasaran yang semakin meningkat, koperasi kredit terus kekal fokus untuk memelihara keadaan pasaran yang teratur dan memastikan pasaran kewangan anggota terus menyerap kejutan dan bukan meningkatkannya. Bagi tujuan ini, koperasi kredit telah memastikan tahap mudah tunai yang mencukupi dalam pasaran kewangan anggota serta mengambil langkah untuk mengurangkan volatiliti yang berlebihan yang akan mengganggu aktiviti perniagaan dan pelaburan Sektor Koperasi. Aktiviti kewangan pada tahun 2023 dijangka terus berkembang dipacu oleh antara lain strategi digitalisasi dalam sektor kewangan serta meningkatkan kesejahteraan kewangan anggota dan koperasi.

Prestasi Aktiviti Bukan Kewangan

Jadual 3.3 : Prestasi aktiviti bukan kewangan pada tahun 2021 dan 2022

Aktiviti Bukan Kewangan	Jualan (RM Juta)		% Perubahan
	2021	2022	
Aktiviti Perkhidmatan	3,372	3,177	-6
Aktiviti Pertanian	1,217	1,505	24
Aktiviti Pembinaan	167	226	35
Aktiviti Pembuatan	19	24	26

Aktiviti bukan kewangan Sektor Koperasi dipacu oleh peningkatan oleh beberapa sub aktivitinya walaupun terdapat kemelesetan dalam sub aktiviti majornya iaitu aktiviti perkhidmatan. Aktiviti perkhidmatan mengalami penurunan sebanyak -6%, (2022: RM3.17 bilion) berbanding tahu sebelumnya (2021: RM3.37 bilion). Walaupun terdapat pertumbuhan negatif dalam aktiviti perkhidmatan, sub aktiviti lain berlaku bertumbuhan yang positif. Sub aktiviti lain yang menunjukkan peningkatan adalah aktiviti pertanian sebanyak 24% (2022: RM1.50 bilion) berbanding tahun sebelumnya (2022: RM1.21 bilion). Peningkatan ini sejajar dengan inisiatif kerajaan dalam menumpukan keterjaminan kepada kewujudan bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehnya (food security). Selain itu, Sektor pembinaan juga turut menokok kepada RM 226 juta pada tahun 2022, berbanding tahu sebelumnya RM 167 juta iaitu pertumbuhan sebanyak 35%. Seterusnya, aktiviti pembuatan turut meningkat sebanyak 26% pada tahun 2022 kepada RM 24 juta berbanding tahun sebelumnya RM 19 juta, berikutan pengukuhan permintaan dan pengembangan industri domestik yang terus menyokong aktiviti pengeluaran daripada Sektor Koperasi.

Prestasi Aktiviti Perkhidmatan

Jadual 3.4 : Prestasi aktiviti perkhidmatan pada tahun 2021 dan 2022

Aktiviti Perkhidmatan	Jualan (RM Juta)		% Perubahan
	2021	2022	
Perkhidmatan Pengguna	1,515	1,638	8
Perkhidmatan Lain	1,791	1,462	-18
Perkhidmatan Pengangkutan	52	57	9
Pelancongan dan Kesihatan	14	19	37


Aktiviti perkhidmatan di sumbangkan oleh aktiviti perkhidmatan pengguna, perkhidmatan lain, perkhidmatan pengangkutan serta perkhidmatan pelancongan dan kesihatan. Semua jualan sub aktiviti perkhidmatan meningkat berbanding tahun sebelumnya kecuali aktiviti perkhidmatan lain. Aktiviti perkhidmatan pengguna yang merangkumi aktiviti stesyen minyak, borong runcit dan lain-lain aktiviti pengguna telah meningkat sebanyak 8% kepada RM 1.6 bilion berbanding tahun sebelumnya (2021: RM 1.5 bilion). Seterusnya, aktiviti yang mengalami peningkatan jualan ialah aktiviti perkhidmatan pengangkutan serta aktiviti pelancongan dan kesihatan, dimana masing-masing meningkat sebanyak 9% kepada RM57 juta dan 37% kepada RM 19juta berbanding tahun sebelumnya (2021: RM 52 juta dan RM 14 juta). Selain itu, aktiviti perkhidmatan lain yang merangkumi aktiviti kontrak, usahasama dan lain-lain perkhidmatan telah mengalami pengurangan jualan yang tinggi sebanyak -18% kepada RM 1.4bilion berbanding tahun sebelumnya (2021: RM 1.7 bilion).

Prestasi Aktiviti Perkhidmatan Pengguna

Jadual 3.5 : Prestasi aktiviti perkhidmatan pengguna pada tahun 2021 dan 2022

Aktiviti Perkhidmatan Pengguna	Jualan (RM Juta)		% Perubahan
	2021	2022	
Stesyen Minyak	776	901	16
Borong Runcit	660	700	6
Lain-lain Aktiviti Pengguna	78	38	-52

Rajah 3.8 : Prestasi aktiviti perkhidmatan pengguna dari tahun 2018 hingga tahun 2022




Aktiviti perkhidmatan pengguna mencatat pertumbuhan sebanyak 8% pada 2022 di jana oleh aktiviti stesyen minyak, aktiviti borong dan runcit serta lain-lain aktiviti pengguna. Jualan bagi aktiviti stesyen minyak meningkat kepada RM 901 juta berbanding tahun sebelumnya (2021: RM 776 juta) iaitu pertumbuhan sebanyak 16%. Peningkatan ini menunjukkan bahawa aktiviti stesyen minyak berada pada landasan yang semakin pulih menghampiri nilai jualan yang pernah dicapai oleh aktiviti ini sebelum pandemik berlaku iaitu jualan berjumlah RM 1 bilion pada tahun 2018. Selain itu, jualan bagi aktiviti borong dan runcit turut meningkat sebanyak 6% kepada RM 700 juta berbanding tahun sebelumnya (2021: RM 660 juta). Peningkatan didalam aktiviti ini disokong oleh prestasi kukuh aktiviti kewangan berikutan peningkatan aktiviti pinjaman oleh anggota terutamanya disumbangkan oleh pasaran buruh yang bertambah baik.

Kedua-dua aktiviti ini berkesinambungan dalam rantaian ekonomi koperasi yang menunjukkan keutuhan aktiviti untuk terus relevan dalam apa jua keadaan ekonomi. Ini didorong oleh keupayaan perniagaan stesen minyak serta borong runcit yang dapat memenuhi keperluan dan pembangunan komuniti setempat disamping meningkatkan ekonomi koperasi.

Prestasi Aktiviti Perkhidmatan Lain


Jadual 3.6 : Prestasi aktiviti perkhidmatan lain pada tahun 2021 dan 2022

Aktiviti Perkhidmatan Lain	Jualan (RM Juta)		% Perubahan
	2021	2022	
Kontrak	1,014	814	-20
Usahasama	64	67	5
Lain-lain Perkhidmatan	714	581	-19

Rajah 3.9 : Prestasi aktiviti perkhidmatan lain dari tahun 2018 hingga tahun 2022

Prestasi bagi aktiviti perkhidmatan lain mengalami penurunan jualan yang ketara sebanyak -18% dari keseluruhan aktiviti perkhidmatan pada tahun sebelumnya (2021: RM1.7 bilion). Sub aktiviti ini mengalami penurunan dalam aktiviti kontrak dan lain-lain perkhidmatan masing-masing mencatat -20% dan -19% (2021 : RM1 bilion dan RM714 juta). Namun aktiviti usahasama telah menunjukkan peningkatan sebanyak 5% berbanding tahun sebelumnya (2021 : RM64 juta). Sub aktiviti perkhidmatan lain ini perlu diperkukuhkan agar berpotensi sebagai penyumbang kepada transformasi ekonomi negara.

Prestasi Aktiviti Perkhidmatan Pengangkutan

Rajah 3.10 : Prestasi aktiviti perkhidmatan pengangkutan dari tahun 2018 hingga tahun 2022


Aktiviti perkhidmatan pengangkutan melonjak sebanyak 9% kepada RM57 juta pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya (2021: RM 53 juta), didorong oleh pertumbuhan ketara dalam aktiviti pengangkutan darat iaitu aktiviti angkutan

buat tandan segar (BTS) kesan daripada pemulihan aktiviti kelapa sawit berikutan harga lebih kukuh, kemasukan semula pekerja asing dalam industri perladangan secara beransur-ansur dan peningkatan hasil buah tandan segar.

Prestasi Aktiviti Perkhidmatan Pelancongan dan Kesihatan

Jadual 3.7 : Prestasi aktiviti perkhidmatan pelancongan dan kesihatan pada tahun 2021 dan 2022

Aktiviti Perkhidmatan Pelancongan dan Kesihatan	Jualan (RM Juta)		% Perubahan
	2021	2022	
Aktiviti Pelancongan	9.6	12.3	29
Aktiviti Kesihatan	4.4	6.9	57

Rajah 3.11 : Prestasi aktiviti perkhidmatan pelancongan dan kesihatan dari tahun 2018 hingga tahun 2022


Aktiviti perkhidmatan pelancongan dan kesihatan turut didefinisikan sebagai satu kegiatan multidimensi dan pelbagai yang menyentuh dalam aspek kehidupan dan aktiviti ekonomi. Dalam aktiviti perkhidmatan, sebanyak RM 19 juta disumbangkan oleh sub aktiviti ini. Aktiviti perkhidmatan pelancongan dan kesihatan meningkat kepada RM 12.3 juta dan RM 6.9 juta, masing-masing mencatat peningkatan sebanyak 29% dan 57% pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya (2021: RM 9.6 juta dan RM 4.4 juta). Sub aktiviti perkhidmatan ini memberi pulangan besar kepada sub aktiviti yang berkaitan seperti peruncitan dan pengangkutan dengan memperkukuh kedudukan ekonomi koperasi. Prestasi ini juga disumbangkan oleh peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan susulan pembukaan semula sempadan antarabangsa, peningkatan perbelanjaan anggota, serta penerimgunaan digitalisasi yang lebih tinggi merentasi semua aktiviti.

Prestasi Aktiviti Pertanian

Jadual 3.8 : Prestasi aktiviti pertanian pada tahun 2021 dan 2022

Aktiviti Pertanian	Jualan (RM Juta)		% Perubahan
	2021	2022	
Aktiviti Pertanian	1,187.10	1,470.79	24
Aktiviti Ternakan	23.45	27.98	19
Aktiviti Akuakultur	6.44	6.56	2

Rajah 3.12 : Prestasi aktiviti pertanian dari tahun 2018 hingga tahun 2022



Aktiviti pertanian secara keseluruhan menunjukkan perkembangan positif dalam aktiviti bukan kewangan dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 24% pada tahun 2022. Ini disokong oleh pemulihan aktiviti pertanian meningkat sebanyak 24% pada tahun 2022 (2021 : RM1.1 bilion), terutamanya aktiviti kelapa sawit berikutan harga lebih kukuh, kemasukan semula pekerja asing dalam industri perladangan secara beransur-ansur dan peningkatan hasil buah tandan segar.

Di samping itu, peningkatan aktiviti ternakan sebanyak 19% dan aktiviti akuakultur sebanyak 2% turut mendorong pertumbuhan sub aktiviti ini yang sebahagiannya disokong oleh pengembangan dalam aktiviti perikanan dan ayam bagi memenuhi peningkatan


permintaan daripada anggota dan koperasi berkaitan makanan. Agenda keterjaminan makanan negara memerlukan penglibatan semua pihak dalam membuat perancangan dan hala tuju pembangunan industri agromakanan negara. Penyelidikan, pembangunan dan pengkormersialan teknologi pertanian, penternakan dan biosekuriti perikanan dapat menyebarluaskan rangkaian dalam industri pertanian yang lengkap iaitu perikanan, penternakan, tanaman dan memproses makanan yang bersifat komuniti. Permintaan yang besar juga datang daripada pemborong-pemborong, pekedai runcit dan juga pengguna akhir seperti industri makanan; seperti kedai makan dan restoran yang menyumbang banyak kepada permintaan bekalan makanan terutama sayur-sayuran, penternakan dan perikanan.

Prestasi Aktiviti Pembinaan

Jadual 3.9 : Prestasi aktiviti pembinaan pada tahun 2021 dan 2022

Aktiviti Pembinaan	Pendapatan (RM Juta)		% Perubahan
	2021	2022	
Aktiviti Pembinaan	168	227	35

Rajah 3.13 : Prestasi aktiviti pembinaan dari tahun 2018 hingga tahun 2022




Aktiviti pembinaan kembali pulih sebanyak 35% kepada RM 227 juta pada 2022 berbanding tahun sebelumnya (2021: RM 168 juta), disumbangkan oleh prestasi positif subsektor bangunan bukan kediaman dan aktiviti pembinaan lain. Selain itu, pembangunan harta tanah kediaman kekal aktif didorong oleh pelaksanaan langkah di bawah Bajet 2022 termasuk jaminan kerajaan sehingga RM2 bilion melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) serta projek perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dengan peruntukan berjumlah RM1.5 bilion.

Prestasi Aktiviti Pembuatan

Jadual 3.10 : Prestasi aktiviti pembuatan tahun 2021 dan 2022

Aktiviti Pembuatan	Pendapatan (RM Juta)		% Perubahan
	2021	2022	
Aktiviti Pembuatan	19.27	24.26	26


Rajah 3.14 : Prestasi aktiviti pembuatan dari tahun 2018 hingga tahun 2022



Aktiviti pembuatan meningkat sebanyak 26% kepada RM 24.26 juta pada 2022 berbanding tahun sebelumnya (2021: RM19.27 juta), berikutan pengukuhan permintaan domestik yang terus menyokong aktiviti pengeluaran. Aktiviti pembuatan yang berdaya maju membawa kepada lebih banyak penyelidikan dan pembangunan, inovasi, produktiviti, dan barangan eksport serta membantu meningkatkan taraf hidup dan menghasilkan lebih aktiviti ekonomi. Aktiviti pembuatan Sektor Koperasi berkembang bagi semua segmen pembuatan terutamanya didorong oleh segmen pembuatan berkaitan makanan dan pakaian.

TINJAUAN EKONOMI SEKTOR KOPERASI 2023

Berdasarkan unjuran kementerian kewangan malaysia, ekonomi malaysia menghadapi prospek pertumbuhan sederhana, dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak ~4.5% Pada 2023. Unjuran tersebut disokong oleh permintaan domestik yang stabil terutamanya daripada perbelanjaan isi rumah sejajar dengan pemulihan pasaran buruh. Tambahan pula, sumbangan sektor berkaitan pelancongan dijangka bertambah baik berikutan ketibaan jumlah pelancong yang lebih tinggi. Penyegerakan projek infrastruktur dengan kesan pengganda yang tinggi, pertumbuhan kukuh dalam pelaburan swasta dan permintaan luar yang berterusan terutamanya daripada rakan dagang utama akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi malaysia.

Rajah 3.15 : Perolehan Sektor Koperasi dari tahun 2016 hingga tahun 2023f

Sementara itu, ekonomi Sektor Koperasi mencatat prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2022 dan dijangka menghadapi prospek pertumbuhan yang tinggi pada tahun 2023 dipacu oleh aktiviti kewangan dan aktiviti pertanian. Aktiviti lain iaitu pembinaan dan pembuatan juga dijangka terus berkembang sejajar dengan peningkatan dalam aktiviti ekonomi koperasi. Walau bagaimanapun, risiko penurunan seperti konflik geopolitik yang berpanjangan, bencana berkaitan iklim dan inflasi yang kekal tinggi dijangka terus memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi malaysia dan berpotensi menjejaskan prestasi ekonomi Sektor Koperasi. Secara keseluruhannya, perolehan Sektor Koperasi diunjur berkembang ~6% pada tahun 2023.

KESIMPULAN

Tahun 2022 telah memberi satu anjakan baru kepada gerakan koperasi setelah menghadapi tahun-tahun sebelumnya yang amat mencabar dan memberi kesan kepada keseluruhan ekonomi dunia. Namun, gerakan koperasi masih mampu utuh menghadapi rintangan ini dan perlu mengembangkan kemampuan rangkaian bagi meningkatkan prestasi dengan perancangan dan polisi strategik agar Sektor Koperasi menjadi lebih kuat, berdaya saing serta dapat meningkatkan prestasi dan sumbangan terhadap masyarakat dan negara. Pelbagai langkah akan diteruskan bagi meningkatkan potensi ekonomi untuk terus menjadikan

gerakan koperasi sebagai sebagai sebuah entiti yang menarik serta meneruskan momentum pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dan inklusif.

Pemulihan ekonomi Sektor Koperasi kini kian mantap. Namun demikian, untuk memastikan pertumbuhan yang mampan pada masa hadapan, Sektor Koperasi tidak boleh leka dan berpuas hati dengan pencapaian yang diperolehi. Peristiwa yang berlaku di dalam negara dan dunia sejak beberapa tahun yang lalu adalah peringatan penting bahawa Sektor Koperasi perlu merancang untuk menghadapi kejutan dan bersedia untuk bertindak balas dengan sewajarnya. Sektor Koperasi dijangka akan menghadapi persekitaran masa hadapan yang akan terus mencabar terutamanya daripada risiko tidak langsung konflik geopolitik yang semakin meningkat, tekanan kenaikan harga dan keadaan kewangan yang lebih ketat.

Sektor Koperasi perlu mengambil pengajaran sepanjang beberapa tahun lepas yang memberi peringatan betapa pentingnya mengambil peluang untuk melaksanakan pembaharuan bagi memastikan ekonomi Sektor Koperasi berada pada kedudukan yang lebih kukuh. Tindakan yang diambil oleh Sektor Koperasi pada hari ini untuk mengukuhkan daya tahan dalam menghadapi pandemik yang telah berlaku, merupakan penanda aras sejauh mana Sektor Koperasi dapat mendepani krisis yang boleh berlaku pada masa hadapan.



Bab 4

MODEL PERNIAGAAN KOPERASI

Pengenalan

Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit

Aktiviti Kewangan

Aktiviti Pertanian

Pemeriksaan Perniagaan Koperasi Melalui Federasi Koperasi

Pendigitalan Koperasi

Bab 4 MODEL PERNIAGAAN KOPERASI

PENGENALAN

Koperasi ialah sebuah organisasi perniagaan yang menjaga kebajikan serta mementingkan keperluan anggotanya dalam aspek ekonomi, sosial, budaya dan komuniti. Perniagaan yang dijalankan merupakan perkhidmatan atau aktiviti ekonomi yang diuruskan secara bergotong royong dan bersama-sama di kalangan anggotanya. Sebagai sebuah organisasi perniagaan, koperasi juga perlu memaksimumkan keuntungan demi mencapai matlamat ekonomi dan sosialnya dengan menceburkan diri dalam pelbagai jenis perniagaan bagi membolehkan ia terus berdiri setanding dengan perniagaan-perniagaan lainnya.

Uniknya perniagaan dalam Sektor Koperasi adalah melibatkan keterangkuman semua aktiviti perniagaan yang boleh menjana pendapatan kepada koperasi selagi mana ianya tidak melanggar undang-undang yang ditetapkan sama ada Undang-undang Kecil Koperasi itu sendiri atau undang-undang yang digariskan bawah Akta Koperasi dan Kerajaan Malaysia secara amnya. Antara aktiviti yang dijalankan oleh koperasi adalah:

- i. Peruncitan
- ii. Pemborongan
- iii. Pertanian
- iv. Kemudahan Kredit
- v. Perbankan
- vi. Perumahan
- vii. Pelancongan
- viii. Perladangan
- ix. Perkhidmatan

AKTIVITI PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT

Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit merupakan antara aktiviti yang diberi tumpuan kerana peranannya dalam membantu kerajaan menangani isu kenaikan kos sara hidup rakyat. Sehingga 31 Disember 2022, terdapat sebanyak 2,581 COOP Mart dengan 36 Pusat Pengedaran (DC) / Sub-DC yang telah beroperasi di seluruh negara. Masyarakat setempat boleh mendapatkan barangan keperluan harian pada harga yang berpatutan di COOP Mart yang berdekatan.

Aktiviti ini terus diperkukuh lagi dengan pelbagai program pembangunan perniagaan khususnya dalam rantai bekalan seperti berikut:

- (i) Program Pemeraksanaan Rantaian Bekalan Koperasi [*Supply Chain Empowerment For Co-Operatives* (SCOPE)];
- (ii) Program *Mapping of Supply Chain* (MOSC);
- (iii) Pengeluaran "Produk COOP Sejak 1922"; dan
- (iv) Program Peruncitan dan Pemborongan Barang Asas (BATOO) ANGKASA.

Program Pemeraksanaan Rantaian Bekalan Koperasi [*Supply Chain Empowerment For Co-Operatives* (SCOPE)]

Program Pemeraksanaan Rantaian Bekalan Koperasi [*Supply Chain Empowerment For Co-Operatives* (SCOPE)] dilaksanakan untuk mengukuh dan memantapkan rantai bekalan melalui pembangunan Pusat Pengedaran (DC) / Sub-DC baharu dan menaiktaraf Pusat Pengedaran (DC) / Sub-DC sedia ada. Program SCOPE ini akan memperkasa rantai bekalan koperasi dalam Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit dengan menyediakan ekosistem dan landskap perniagaan yang kondusif dengan mengukuhkan DC/Sub-DC sedia ada atau mewujudkan DC/Sub-DC baharu di setiap negeri dengan objektif seperti berikut:

- (i) Mewujudkan perniagaan yang bersistematik;
- (ii) Meningkatkan *purchasing dan bargaining power* koperasi;
- (iii) Mengurangkan pemeringkatan (*tier*) orang tengah dan aktiviti manipulasi; dan
- (iv) Membantu mengurangkan kenaikan kos sara hidup.

Pada tahun 2022, sebanyak RM1 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan program ini. Sebanyak tujuh (7) DC atau Sub DC telah menerima peruntukan ini bagi menaik taraf infrastruktur dan peralatan DC atau Sub-DC Koperasi. Antara koperasi yang menerima dana ini adalah Koperasi Keluarga Haji Awang Ketereh Berhad bagi membiayai kos mengubah suai bangunan sedia ada untuk dijadikan sebagai sebuah DC supaya koperasi boleh melaksanakan aktiviti pemborongan serta mengedarkan barangan kepada koperasi berhampiran. Sebelum membuka sebuah DC, Koperasi ini melaksanakan aktiviti pasar raya.

Pasaraya koperasi sebelum ini telah secara tidak langsung memberi khidmat borong dan runcit kepada penduduk sekitar seperti peruncit, sekolah dan stesen minyak di kawasan sekitar koperasi. Oleh yang demikian, Koperasi telah mengembangkan satu lagi cabang perkhidmatan iaitu bahagian pengedaran yang berfungsi sebagai pengedar kepada outlet koperasi dan "lain-lain" peruncit. Dengan adanya DC ini, Koperasi akan mengadakan jalinan perniagaan bersama pengilang dan pengedar utama bagi mendapatkan barangan di *tier* atasan. Aktiviti DC ini juga adalah pengembangan aktiviti dalam Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit.

Koperasi ini juga bercadang untuk membuka beberapa lagi outlet perniagaan borong dan runcit baharu di kawasan lain bagi mengukuhkan lagi penguasaan dalam rantai nilai aktiviti ini.

Dengan ini, jumlah pendapatan koperasi dijangka meningkat dan peluang pekerjaan baharu dapat diwujudkan.

Gambar 1 : DC Koperasi Keluarga Haji Awang Ketereh Berhad



Program Mapping of Supply Chain (MOSC)

Program *Mapping of Supply Chain* (MOSC) merupakan satu strategi bagi mendigitalisasi rantai bekalan koperasi menerusi sistem pengurusan pemborongan dan peruncitan yang efisien. Pendigitalan rantai bekalan ini akan memastikan pengurusan Pusat Pengedaran (DC) gerakan koperasi lebih sistematik dan seterusnya menyumbang kepada pembekalan produk yang stabil ke kedai-kedai koperasi. Program MOSC ini di bawah Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi COVID-19 berjumlah RM1.12 juta dan program ini telah selesai dilaksanakan pada tahun 2022.


Program ini bertujuan untuk bagi membiayai sebahagian kos pembangunan sistem pengurusan pemborongan dan peruncitan koperasi termasuk perkakasan, perisian serta kerja-kerja perkhidmatan kepada 24 buah pusat pengedaran DC/Sub-DC koperasi serta satu (1) pusat pengedaran utama (CDC) yang diuruskan oleh Federasi Koperasi Pemborongan Dan Peruncitan Malaysia Berhad dengan hasrat untuk membentuk sinergi gerakan koperasi yang terlibat dalam aktiviti pemborongan dan peruncitan.

Konsep Federasi juga untuk memastikan koperasi-koperasi tidak beroperasi secara silo dan menekankan perkongsian sumber untuk mencapai *economies of scale*. Selari dengan penubuhan Federasi, *platform* ini akan digunakan bagi memastikan impak pelaksanaan program secara menyeluruh dalam rantai bekalan Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit. Antara peranan Federasi adalah untuk membangunkan *Central Distribution Centre* (CDC) yang bertujuan untuk:

- Mengukuh dan memantapkan penguasaan rantai bekalan dan rantai nilai dalam Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit;
- Meningkatkan dan mengukuhkan kuasa beli (*buying & purchasing power*) koperasi; dan
- Mengawal/menstabilkan harga barangan.

Operasi CDC akan mengguna pakai serta mengaplikasikan *warehouse management system* yang akan menghubungkan pembekal, pusat pengedaran dan outlet jualan koperasi.

Rajah 4.1 : 7 Jenis Perkakasan Sistem MOSC



Pemasangan sistem ini telah dilaksanakan di 24 DC Koperasi pada bulan Ogos 2022. Koperasi boleh menempah barangan "Produk COOP Sejak 1922" kepada Federasi Koperasi melalui sistem ini. Nilai tempahan yang direkodkan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM884 ribu. Sistem ini telah memudahkan urusan tempahan oleh DC koperasi bagi mendapatkan barangan untuk dijual. Antara DC koperasi yang mempunyai transaksi tempahan tertinggi adalah Koperasi Jabatan Penjara Malaysia Berhad dan Koperasi Peneroka Felda Tersang Tiga Berhad.

Pengeluaran "Produk COOP Sejak 1922"

Pengeluaran "Produk COOP Sejak 1922" dilaksanakan melalui Federasi Koperasi Pemborongan Dan Peruncitan Malaysia Berhad. Sehingga 31 Disember 2022, Federasi Koperasi telah mengeluarkan sebanyak lima SKU barangan asas produk jenama "COOP Sejak 1922" membabitkan gula, minyak masak, beras serta tepung gandum. Produk ini telah mula dipasarkan pada bulan September 2022 dengan harga yang ditawarkan lebih rendah antara 2% hingga 8% peratus berbanding harga pasaran. "Produk COOP Sejak 1922" ini boleh diperolehi di COOP Mart milik koperasi. Model perniagaan ini adalah untuk memastikan

pembekalan barangan keperluan asas di COOP Mart koperasi sentiasa terjamin.

Gambar 2 : "Produk COOP Sejak 1922"



Pengeluaran produk COOP Sejak 1922 ini adalah hasil lawatan penanda aras delegasi KUSKOP dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ke COOP Food UK di London, England pada 23 Jun 2022. Koperasi ini yang menjalankan perniagaan Baker's Street yang

mengeluarkan produk makanan jenama COOP. Bagi pelaksanaan di Malaysia, pengeluaran “Produk COOP Sejak 1922” adalah melibatkan barangan keperluan asas pada peringkat awal dan akan dikembangkan kepada produk-produk lain.

Program Peruncitan dan Pemborongan Barang Asas (BA100) ANGKASA


Program Peruncitan dan Pemborongan Barang Asas (BA100) merupakan satu program bersepadu dalam usaha untuk menggerakkan perniagaan koperasi terutamanya dalam membantu dan menawarkan penjualan barangan asas dengan harga berpatutan, menaiktaraf kualiti hidup anggota koperasi, merangsang perniagaan koperasi dan menaiktaraf operasi koperasi peruncitan agar lebih kompetitif.

ANGKASA juga telah mengambil inisiatif membuat pembelian secara pukal daripada pembekal atau pengeluar dan dihantar secara terus kepada peruncit. Berasaskan kepada pendekatan tersebut, kedai-kedai koperasi dapat bergabung dengan menawarkan jualan barangan asas dengan harga yang berpatutan dan bukan bersifat sementara.

Program BA100 akan melibatkan penambahbaikan operasi dan penjualan di semua kedai koperasi yang terlibat. Koperasi yang menyertai program ini akan dapat menambah baik pengurusan kedai terutamanya operasi jualan dan kawalan stok. Ianya juga dapat membuka peluang pekerjaan dan peluang keusahawanan kepada anggota. Program ini juga dapat membantu meningkatkan prestasi jualan dan keuntungan melalui pakej-pakej promosi yang sentiasa dikemaskini mengikut kesesuaian pasaran dan harga semasa. Melalui Program BA100 ini, ANGKASA telah melaksanakan dua (2) platform sokongan dalam membantu koperasi seperti berikut:

- Platform 'JiMAT Biz'
Platform ini membolehkan koperasi mendapatkan bekalan barangan keperluan dengan harga yang berpatutan melalui platform digital. Sehingga 31 Disember 2022, jumlah koperasi berdaftar dalam platform ini adalah sebanyak 2,242 dan bilangan koperasi yang membuat tempahan melalui JiMAT Biz adalah sebanyak 691 koperasi. Nilai tempahan koperasi melalui JiMAT Biz pada tahun 2022 adalah sebanyak RM4.11 juta.

Gambar 3 : JiMAT Biz



- Platform 'JiMAT Shop'
Koperasi-koperasi boleh membuka kedai secara dalam talian melalui JiMAT Shop. Jumlah jualan melalui JiMAT Shop sehingga 31 Disember 2022 adalah sebanyak

RM313 ribu melibatkan 691 koperasi. Melalui JiMAT Shop pelanggan boleh menempah barangan di kedai koperasi yang berhampiran secara atas talian.

Gambar 4 : JiMAT Shop



[About Jimat](#)
[Browse Shop](#)
[Sign In](#)

Membantu Pembangunan Perniagaan Anda dengan Mudah dan Cepat

Misi kami adalah untuk membantu meningkatkan perniagaan industri kecil dan sederhana melalui digitalisasi

Our mission is to digitalise small and medium businesses and to empower them to grow.



Jom Kita CHOP

3 langkah mudah untuk membeli barangan keperluan anda
3 Easy Steps to shop for your needs

Choose

Pilih Lokasi dan kedai berhampiran anda

Choose location and shops near you

Order


Tempah dan bayar secara online

Order and pay online

Pickup

Pickup barangan anda dari kedai

Pickup your orders from the shop



Pilih lokasi anda
Choose your location

Pilih kedai berhampiran
Choose shops near you

Jadual 4.1 : Fasa Pelaksanaan Program BA100

FASA PELAKSANAAN	KETERANGAN
Fasa 1 (Tahun 2022 - 2023)	Penglibatan 3,000 Kedai Koperasi sehingga akhir tahun 2023 di bawah Program Peruncitan dan Pemborongan Barang Asas (BA100)
Fasa 2 (Tahun 2024 - 2025)	Sasaran pembukaan 2,000 kedai baharu milik koperasi dan bukan koperasi
Fasa 3 (Tahun 2026 - 2027)	Melibatkan 5,000 kedai rantaian BA100

AKTIVITI KEWANGAN

Perkembangan Kewangan Global

Meninjau perkembangan kewangan global, semasa krisis kewangan Asia 1997 sehingga 1998, ekonomi dan sistem kewangan Malaysia menghadapi kerumitan apabila kedudukan kewangan bank, syarikat, koperasi dan isi rumah terjejas teruk akibat penurunan nilai ringgit secara pantas dan kerugian penilaian dalam pasaran ekuiti domestik. Sebagai sebahagian daripada langkah dasar segera, ringgit ditambah kepada dolar AS pada RM3.80 seiring dengan pengenalan langkah kawalan pertukaran asing terpilih. Langkah-langkah ini berkesan untuk menyediakan persekitaran luaran yang stabil untuk bank dan perniagaan serta ruang untuk mengukuhkan kedudukan kewangan mereka.

Walau bagaimanapun, keadaan hari ini adalah berbeza. Pembaharuan dan langkah dasar telah dilaksanakan untuk mengurangkan kelemahan luaran Malaysia. Kedudukan kewangan perniagaan, bank dan juga koperasi kini jauh lebih berdaya tahan berbanding dahulu. Pasaran kewangan domestik juga jauh lebih maju dan mampu menahan kejutan kewangan luaran tanpa menjejaskan keupayaan bank-bank untuk menyokong kegiatan ekonomi.

Industri perkhidmatan kewangan Malaysia telah berkembang maju sebagai tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Industri ini menjadi sumber asas kepada Sektor Swasta dalam memperoleh dana untuk menjalankan aktiviti perniagaan, seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negara secara berterusan. Oleh sebab itu, adalah penting bagi industri

perkhidmatan kewangan berkembang maju seiring dengan proses transformasi dan aspirasi Malaysia.

Salah satu mandat Kerajaan Malaysia melalui peranan Bank Negara Malaysia adalah menggalakkan kestabilan kewangan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. Mandat ini dilaksanakan dengan memastikan sistem kewangan kekal berdaya tahan dan berupaya menghadapi kejutan sepanjang kitaran ekonomi. Usaha ini termasuk menggalakkan institusi kewangan yang kukuh dan diuruskan dengan baik, termasuk aktiviti kewangan koperasi.

Selain itu, usaha ini juga termasuk memupuk sistem penjelasan dan penyelesaian yang selamat dan diyakini serta memastikan pasaran kewangan yang teratur. Akhirnya, sistem kewangan yang kukuh dan stabil memudahkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan secara berterusan kepada pengguna kewangan.

Aktiviti Kewangan Koperasi

Gerakan koperasi di Malaysia bermula pada tahun 1920-an untuk mengatasi masalah kemiskinan penduduk di bandar dan luar bandar. Koperasi yang mula diperkenalkan di Malaysia adalah koperasi kredit iaitu Syarikat Bekerjasama-sama Jimat Cermat Dan Pinjaman Wang Pekerja-Pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad, bertujuan untuk mengatasi masalah keberhutangan dalam kalangan penjawat awam di bandar. Manakala koperasi luar bandar yang mula diperkenalkan adalah Syarikat Bekerjasama-sama Kerana Meminjamkan Wang Kampung Tebuk Haji Musa Mukim Titi Serong, Krian Dengan Tanggungan Berhad, bertujuan untuk menyelesaikan masalah kewangan para petani di luar bandar yang ditindas oleh orang tengah di bawah sistem padi kunca.

Sejarah ini menunjukkan bahawa Sektor Koperasi sememangnya sinonim dengan aktiviti kredit sejak dahulu lagi. Kini, gerakan koperasi berperanan besar dalam menyediakan peruntukan dana untuk membantu perkembangan ekonomi industri kecil dan sederhana. Koperasi adalah lebih cekap berbanding perniagaan milik pelabur apabila mengambil kira faktor nilai sosial yang menyumbang secara signifikan untuk kesejahteraan masyarakat khususnya anggota koperasi.

Aktiviti kewangan koperasi terus menjadi penyumbang utama kepada keseluruhan Sektor Koperasi dari segi pemilikan aset, perolehan dan modal syer berbanding koperasi yang menjalankan aktiviti ekonomi yang lain. Koperasi dalam aktiviti kewangan merupakan koperasi yang tertua dan mendominasi pegangan

aset dan modal keseluruhan gerakan koperasi. Walaupun dari segi bilangan, koperasi dalam aktiviti kewangan yang berdaftar adalah sedikit daripada jumlah keseluruhan koperasi, tetapi pegangan modal keseluruhan adalah yang terbesar. Ini bermakna koperasi aktiviti kewangan mempunyai keteguhan kewangan dibandingkan dengan koperasi daripada fungsi yang lain. Berdasarkan kepada fungsi kredit dan perbankan pada tahun 2022, jumlah koperasi daripada kedua-dua fungsi ini adalah sebanyak 568 iaitu hanya 3.7% daripada jumlah koperasi berdaftar di Malaysia dengan jumlah syer yuran yang dikumpulkan adalah sebanyak RM11.12 bilion iaitu 65% daripada jumlah modal syer keseluruhan.

Model Kemudahan Kredit Koperasi

Pemberian kemudahan kredit merupakan aktiviti perniagaan yang membolehkan sesebuah koperasi bukan sahaja meningkatkan taraf kewangan atau perniagaan anggota atau pelanggannya, tetapi memperoleh pulangan yang saksama. Bagi koperasi kredit, pemberian kemudahan kredit kepada anggota adalah merupakan aset terbesar bagi koperasi dan pulangan daripada aktiviti ini adalah merupakan sumber utama pendapatan koperasi. Terdapat dua (2) model aktiviti kredit yang dilaksanakan oleh koperasi iaitu:

- **Model 1**

Koperasi menggunakan sumber dalaman bagi menjalankan aktiviti kredit. Pengurusan dan pengendalian aktiviti kredit diuruskan keseluruhannya oleh koperasi.

- **Model 2**

Koperasi menggunakan sumber pinjaman bank yang disalurkan terus kepada koperasi bagi menjalankan aktiviti kredit. Pengurusan dan pengendalian aktiviti kredit diuruskan sepenuhnya oleh koperasi.

Koperasi Persalam Manjung Berhad (PERSALAM) merupakan salah sebuah koperasi yang menjalankan kemudahan kredit Model 1. PERSALAM ditubuhkan pada 23 Mac 2011 dengan keanggotaan seramai 240 orang di mana anggotanya adalah terdiri daripada peniaga-peniaga pasar malam sekitar Manjung. PERSALAM menjalankan aktiviti seperti sewaan tapak pasar malam, sewaan bazar raya dan skim pinjaman mikro kredit kepada anggotanya melalui caruman modal syer minimum RM100.00 bagi setiap anggotanya. Sokongan anggota yang bukan sahaja menyumbangkan modal tetapi turut menggunakan

perkhidmatan yang ditawarkan oleh PERSALAM menyumbang kepada peningkatan pendapatan koperasi yang konsisten.

Aktiviti skim pinjaman mikro kredit kepada anggotanya dengan kadar keuntungan sebanyak 1.25% dan jumlah pinjaman dari RM3,000.00 sehingga RM100,000.00 untuk tempoh 2 tahun telah memberi manfaat kepada 354 peminjam dengan jumlah keseluruhan pembiayaan yang ditawarkan sebanyak RM3.8 juta bagi tahun berakhir 30 September 2022. Perkara ini menunjukkan inisiatif PERSALAM sebagai perintis kepada model pinjaman mikro kredit khasnya di daerah Manjung berjaya dilaksanakan bagi membantu anggotanya yang juga merupakan peniaga-peniaga kecil.

AKTIVITI PERTANIAN

Pertanian dilihat sebagai perniagaan yang memberi prospek besar kepada seluruh masyarakat Malaysia, membantu merapatkan jurang sosioekonomi dalam masyarakat dan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bidang pertanian dilihat dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan bahan makanan dari negara lain. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), kerajaan memberi tumpuan dalam usaha memodenkan aktiviti ini melalui peningkatan produktiviti dan pendapatan petani, nelayan dan pekebun kecil serta penerapan teknologi moden bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja dan menangani kesan harga komoditi yang rendah melalui langkah penstabilan pendapatan pekebun kecil.

Dengan menceburi bidang pertanian, secara tidak langsung koperasi dapat membantu negara memenuhi keperluan bahan makanan sekaligus mengelakkan krisis makanan daripada berlaku. Dengan kepadatan penduduk Malaysia yang dianggarkan seramai 32.7 juta pada 2022 dan dijangka meningkat sehingga 33.4 juta penduduk menjelang tahun 2023, sudah tentu keperluan makanan akan semakin meningkat. Penglibatan koperasi dalam aktiviti pertanian dan industri asas tani adalah berkonsepkan *"members-owned, members-produced, and members-traded"* di mana koperasi yang dimiliki oleh anggota, bergabung tenaga dan modal mengeluarkan hasil pertanian untuk dipasarkan secara bersama. Dalam konteks ini, peranan orang tengah akan digantikan oleh koperasi yang bertindak sebagai pembekal input pertanian kepada petani dan memasarkan hasil pertanian. Peranan koperasi untuk aktiviti pertanian dan industri asas tani meliputi aktiviti-aktiviti ekonomi seperti berikut:

- Pengeluaran produk hasil pertanian dan industri asasi;
- Pusat membekalkan input pertanian kepada petani / penternak (makanan ternakan, baja, perubatan, jentera, benih);
- Pusat pengumpulan hasil pertanian;
- Pusat pemprosesan;
- Aktiviti kredit dan kebajikan untuk petani;
- Pembangunan modal insan;
- Perkhidmatan logistik; dan
- Pemasaran.

Meninjau Aktiviti Pertanian Luar Negara

Gerakan koperasi di Jepun bermula dengan kegiatan pertanian sebelum Era Meiji (1868-1912) yang telah ditubuhkan di bawah undang-undang Koperasi Pertanian pada tahun 1954. Pada tahun 1906, kerajaan Jepun telah meminda undang-undang koperasi ini dengan membenarkan koperasi kredit terlibat sama dalam pelbagai aktiviti perniagaan antaranya dalam aktiviti pertanian agar dapat mempergiat lagi aktiviti perniagaan koperasi di Jepun. Pada April 1992, Sistem Koperasi Pertanian telah diperkenalkan di Jepun dan dikenali sebagai JA, iaitu gabungan perkataan "Japan" dan "Agriculture". Japan Agriculture Cooperatives (JAs) merupakan simbolik bagi imej koperasi pertanian di Jepun dengan menubuhkannya di setiap wilayah dan bandar, serta dianggap sebagai koperasi yang berpengaruh dalam bidang pertanian di Jepun. Perkataan "JA" digunakan sebagai nama singkatan baharu yang mudah disebut dan diingati. Ini merupakan identiti korporat koperasi pertanian dan sebahagian usaha mempromosikan gerakan koperasi pertanian di Jepun. Penubuhan JA adalah berasaskan prinsip kerjasama untuk melindungi pertanian dan kehidupan setiap anggotanya.

Untuk merealisasikan matlamat ini, JA telah terlibat dengan pelbagai program pementapan hasil pertanian termasuk bimbingan hasil pertanian, pemasaran produk pertanian, peningkatan infrastruktur, penyediaan kemudahan kredit, perniagaan insurans, serta melakukan penyelidikan dan inovasi terhadap produk pertanian. JA memainkan peranan penting khususnya dalam aktiviti pertanian dan penyumbang kepada kuasa ekonomi negara tersebut terutama di kawasan luar bandar. JA terus menggiatkan usaha ke arah pengukuhan asas pengurusan mereka supaya lebih cekap dan efisien, terutama dari aspek operasi perniagaan yang mereka jalankan. Oleh itu, JA telah melaksanakan proses penggabungan koperasi pertanian

yang berskala kecil bagi mewujudkan sebuah koperasi yang lebih kukuh dari segi modal, tenaga dan idea supaya mampu berhadapan dengan situasi yang sukar seperti persaingan sengit dengan syarikat-syarikat lain.

Berdasarkan kepada *World Cooperative Monitor 2022*, koperasi yang menjalankan aktiviti pertanian merupakan penyumbang utama kepada pendapatan per kapita bagi negara dalam keanggotaan *International Cooperative Alliance* (ICA). Koperasi dari Jepun iaitu *National Federation of Agricultural Cooperative Associations* (ZEN-NOH) menduduki tangga teratas dari segi sumbangan perolehan dalam aktiviti pertanian iaitu berjumlah USD57.69 billion pada tahun 2020. ZEN-NOH ialah kesatuan koperasi peringkat nasional yang bertanggungjawab untuk menjalankan perniagaan, pemasaran dan mendapatkan bekalan daripada kumpulan koperasi pertanian Jepun. ZEN-NOH ialah gabungan daripada Kesatuan Koperasi Pertanian dalam Pemasaran (ZENHANREN) dan Kesatuan Koperasi Pertanian dalam Pembelian (ZENKOREN) yang ditubuhkan pada 30 Mac 1972. Dengan matlamat untuk meningkatkan tahap kecekapan pengeluaran, ekonomi dan peningkatan taraf hidup sosial anggota, ZEN-NOH menggalakkan anggota untuk bekerjasama bagi mempromosikan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh mereka. Perniagaan utama ZEN-NOH adalah dengan menyediakan peralatan dan keperluan dalam pengeluaran pertanian, menjalankan aktiviti pemprosesan dan pemasaran bagi produk pertanian yang dijalankan oleh anggota-anggota mereka.

PEMERKASAAN PERNIAGAAN KOPERASI MELALUI FEDERASI KOPERASI

Selaras dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021 – 2025, sebanyak enam Federasi Koperasi telah didaftarkan pada 1 April 2021. Federasi Koperasi adalah gabungan dua atau lebih koperasi asas dalam sektor ekonomi yang sama sebagai koperasi menengah yang bertujuan untuk memudahkan cara operasi dan perniagaan koperasi anggota bagi meningkatkan sosioekonomi berasaskan prinsip kerjasama antara koperasi.

Federasi Koperasi yang diwujudkan bertujuan untuk membentuk sinergi gerakan koperasi dan menerajui pelbagai sektor ekonomi berdasarkan konsep payung seterusnya membina kekuatan gerakan koperasi dalam mendepani suasana ekonomi semasa dan mengurangkan tekanan orang tengah selaras dengan Garis Panduan 20A: Garis Panduan Penubuhan dan Pengoperasian Federasi Koperasi.

Pada tahun 2021, setiap Federasi Koperasi memberi fokus kepada program promosi dan kempen keanggotaan. Bermula tahun 2022, setiap Federasi Koperasi telah mula menjalankan perniagaan masing-masing dan melaksanakan sesi engagement bersama Kementerian / Agensi Kerajaan yang berkaitan dengan aktiviti masing-masing. Bagi memperkasakan Federasi Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah menyediakan insentif kewangan berbentuk geran permulaan (*launching grant*) sebanyak RM400 ribu bagi setiap Federasi Koperasi pada tahun 2022. Geran permulaan ini merupakan inisiatif untuk melancarkan pengurusan Federasi Koperasi, menggalakkan penyertaan koperasi anggota serta menyuntik modal permulaan perniagaan Federasi Koperasi. Skop penggunaan geran permulaan ini adalah seperti berikut:

- Membiayai sebahagian perbelanjaan operasi seperti gaji, bayaran utiliti, sewa pejabat, peralatan dan kelengkapan pejabat serta lain-lain kos bagi perbelanjaan operasi;
- Membiayai kos promosi dan kempen keanggotaan;

- Membiayai modal permulaan perniagaan/ pembangunan produk dan perkhidmatan; dan
- Membiayai kos pembangunan kapasiti pengurusan dan perniagaan federasi (*business matching & networking, coaching, benchmarking, market immersion & exploration activities*).

Bagi memantau perjalanan Federasi Koperasi secara dekat, satu Jawatankuasa Pembangunan dan Pemerkasaan Federasi Koperasi telah diwujudkan. Pemimpin utama bagi setiap Federasi Koperasi adalah ahli bagi Jawatankuasa ini. Beberapa siri mesyuarat dan sesi perbincangan telah diadakan secara khusus untuk membangun dan memperkasa pengurusan, pentadbiran, kewangan dan perniagaan Federasi Koperasi. Suruhanjaya Koperasi Malaysia sentiasa menggalakkan koperasi asas untuk menyertai Federasi Koperasi dimana ia adalah salah satu model bagi pembangunan perniagaan berdasarkan sektor ekonomi bagi gerakan koperasi.

Rajah 4.2 : Model Pembangunan



Sebagai contoh di Negara Jepun, Japanese Consumers' Co-operative Union (JCCU) telah ditubuhkan pada Mac 1951 sebagai federasi koperasi pengguna di Jepun. Sebanyak kira-kira 312 koperasi pengguna dan kesatuan koperasi pengguna menyertai JCCU dan jumlah pusing ganti perniagaan koperasi anggota kira-kira JPY 3.8 trilion. Terdapat dua fungsi utama JCCU seperti berikut:

- i. Pembangunan produk jenama CO-OP. JCCU membangunkan dan menambah baik produk jenama CO-OP untuk memenuhi keperluan anggota dalam kehidupan seharian mereka; dan
- ii. Pengedaran produk kepada koperasi anggota di seluruh negara. JCCU menguruskan pengedaran Produk Jenama CO-OP secara menyeluruh daripada pengurusan pesanan kepada logistik dan penghantaran, bekerjasama dengan pengeluar untuk pengurusan yang optimum.

Gambar 5 : Produk Jenama CO.OP



Sumber: <https://jccu.coop/eng/jccu/what-we-do.html>

Aktiviti Kewangan

Federasi Koperasi Perkhidmatan Kewangan Malaysia Berhad didaftarkan pada bertujuan untuk menggembelng sumber modal, kepakaran, kemahiran dan tenaga profesional yang dimiliki oleh koperasi bagi melaksanakan aktiviti berkaitan perkhidmatan kewangan pada skala yang lebih besar. Sehingga 31 Disember 2022, Federasi Koperasi dianggotai oleh 10 entiti Koperasi asas dengan modal syer sebanyak RM500 ribu.

Antara aktiviti Federasi ini adalah Takaful Kaptif dengan kerjasama Asia Pacific Limited yang merupakan salah satu syarikat yang berpengalaman dalam bidang insurans dan *re-insurans*. Takaful Kaptif ini adalah Skim Khas Perlindungan Takaful yang diwujudkan bagi melindungi koperasi anggota pada kadar premium yang lebih menjimatkan tanpa mengurangkan perlindungan risiko sedia ada. Federasi Koperasi ini sedang giat mempromosi perkhidmatan Takaful Kaptif kepada koperasi-koperasi kredit. Federasi Koperasi ini juga memudahcara koperasi anggota melaksanakan perniagaan dalam aktiviti ini.

Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit

Antara peranan Federasi Koperasi Pemborongan Dan Peruncitan Malaysia Berhad ialah mengukuh dan memantapkan penguasaan rantai bekalan serta rantai nilai koperasi untuk mendapatkan harga yang lebih kompetitif untuk dibekalkan kepada outlet koperasi. Sehingga 31 Disember 2022, Federasi Koperasi dianggotai oleh 38 entiti koperasi asas dengan jumlah modal syer sebanyak RM72 ribu.

Federasi Koperasi ini melaksanakan projek pembekalan lima (5) SKU produk jenama "COOP Sejak 1922" membabitkan Gula Kristal 1kg, Minyak Masak 5kg dan 2kg, Beras Super Import 5kg serta Tepung Gandum Bervitamin 1kg. Produk ini telah mula dipasarkan pada bulan September 2022 dengan harga yang ditawarkan lebih rendah antara dua (2) hingga lapan (8) peratus berbanding harga pasaran. Produk "COOP Sejak 1922" ini boleh diperolehi di COOP Mart milik koperasi. Federasi Koperasi ini dalam usaha untuk mempelbagaikan produk jenama "COOP Sejak 1922" dan memperolehi gudang bagi memudahkan aktiviti pengedaran barangan Federasi Koperasi.

Aktiviti Pertanian

Federasi Koperasi Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia Berhad didaftarkan bertujuan untuk menggembelng sumber modal, kepakaran, kemahiran dan tenaga profesional yang dimiliki oleh koperasi pertanian bagi melaksanakan aktiviti pada skala yang lebih besar dan menguasai aktiviti di sepanjang rantai bekalan. Sehingga 31 Disember 2022, Federasi Koperasi dianggotai oleh entiti koperasi asas dengan modal syer sebanyak RM60 ribu.

Antara aktiviti Federasi ini adalah menyediakan khidmat nasihat dalam bidang pertanian dan industri asas tani untuk manfaat anggota. Federasi Koperasi ini dalam perancangan untuk membangunkan COOP Freshmart untuk memasarkan hasil keluaran pertanian dan industri asas tani koperasi-koperasi anggota.

Aktiviti Perladangan

Federasi Koperasi Perladangan Berhad didaftarkan untuk menggembelng sumber modal, kepakaran, kemahiran dan tenaga profesional yang dimiliki oleh koperasi perladangan bagi melaksanakan aktiviti pada skala yang lebih besar. Sehingga 31 Disember 2022, Federasi Koperasi terdiri daripada 12 entiti koperasi asas dengan modal syer sebanyak RM36 ribu.

Antara aktiviti Federasi ini adalah khidmat nasihat perladangan, pemudahcara pengambilan pekerja asing untuk aktiviti perladangan serta membangun ladang contoh untuk manfaat anggota. Federasi Koperasi ini dalam perancangan untuk permohonan kuota pekerja asing bagi dibekalkan kepada koperasi anggota yang menjalankan aktiviti perladangan.

Aktiviti Pelancongan dan Aktiviti Kesihatan

Federasi Koperasi Pelancongan Penjagaan Diri dan Kesihatan Malaysia Berhad didaftarkan untuk menggembelng sumber modal, kepakaran, kemahiran dan tenaga profesional yang dimiliki oleh koperasi bagi melaksanakan aktiviti berkaitan pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan pada skala yang lebih besar. Sehingga 31 Disember 2022, Federasi Koperasi terdiri oleh 13 entiti koperasi asas dengan modal syer sebanyak RM25 ribu.

Antara aktiviti Federasi ini adalah menyediakan khidmat nasihat dan mempromosi pakej pelancongan milik koperasi anggota. Federasi Koperasi ini dalam perancangan untuk menjalankan pengeluaran pek kembara, pek kosmetik dan pek fisioterapi.

Aktiviti Hartanah dan Pembinaan

Federasi Koperasi Hartanah Dan Industri Pembinaan Malaysia Berhad didaftarkan pada bertujuan untuk menggembelng sumber modal, kepakaran, kemahiran dan tenaga profesional yang dimiliki oleh koperasi bagi melaksanakan aktiviti berkaitan pembangunan hartanah dan industri pembinaan pada skala yang lebih besar. Sehingga 31 Disember 2022, Federasi Koperasi ini terdiri daripada 32 entiti koperasi asas dengan modal syer sebanyak RM185 ribu.

Antara aktiviti Federasi ini adalah agen jualan hartanah, khidmat nasihat teknikal dan memudahcara koperasi anggota melaksanakan perniagaan dalam aktiviti ini. Federasi Koperasi ini dalam perancangan untuk pembangunan projek hartanah secara usahasama dengan koperasi anggota.

PENDIGITALAN KOPERASI

Suruhanjaya Koperasi Malaysia sentiasa cakna dengan inisiatif bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bagi suatu Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi 2030 yang akan meningkatkan keupayaan koperasi menjalankan perniagaan berasaskan teknologi. Pendigitalan koperasi merupakan antara fokus utama kini selepas melalui fasa pasca Pandemik COVID-19, iaitu menyediakan program intervensi bagi memulihkan semula perniagaan koperasi mengikut norma baharu.

Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP) sedang dirangka dengan tujuan bagi meningkatkan keupayaan koperasi kepada perniagaan berasaskan teknologi. Inisiatif melalui kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) itu dijangka mampu membawa perubahan dalam mentransformasikan Gerakan Koperasi ke arah pendigitalan. Selain itu, koperasi-koperasi juga digalakkan menggunakan kaedah promosi masa kini yang mempunyai sebaran maklumat yang amat meluas iaitu menerusi platform media sosial mengikut kumpulan sasar.

Kesinambungan pelaksanaan Dasar Koperasi Negara harus seiring era digitalisasi yang akan memacu Sektor Koperasi sebagai pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi negara dengan matlamat mewujudkan ekosistem koperasi yang holistik dan kondusif. Bagi memastikan Gerakan Koperasi ini kekal relevan dan mengikut arus perdana ekonomi negara dengan keperluan masa kini mahupun evolusi dunia perniagaan yang serba mencabar, maka digitalisasi adalah jawapannya. Sehubungan itu, wujud keperluan anjakan paradigma perniagaan koperasi kepada ekosistem perniagaan digital serba baharu lagi moden dan merentasi sempadan. Gerakan Koperasi akan lebih kompeten bersaing dengan entiti perniagaan lain dalam dunia digitalisasi yang serba mencabar untuk sebuah gerakan yang telah mencecah seusia abad.


Strategi Kerajaan perlu terus bergerak ke hadapan untuk terus menyokong pertumbuhan ekonomi serta sokongan terhadap Gerakan Koperasi bagi meneruskan momentum pertumbuhan yang dicapai pada tahun 2022 demi kesejahteraan rakyat. Beberapa aspek telah dijadikan domain dan indikator dalam Indeks Gerakan Koperasi Malaysia (IGKM) yang kini dinamakan sebagai Indeks Kesejahteraan Anggota (IndeKA).

Program Pemasaran Produk Koperasi Melalui Platform Online KUSKOP

Pihak KUSKOP telah mula membangunkan platform digital MyMall yang dilancarkan pada 12 April 2022. Platform digital MyMall ini merupakan inisiatif KUSKOP untuk mewujudkan pembangunan ekosistem keusahawanan yang lebih inklusif dikhususkan kepada usahawan dan koperasi memasarkan produk secara

dalam talian. Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 51 SKU produk koperasi telah *onboard* dalam platform MyMall selari Program Kelestarian Rantaian Bekalan Makanan. Koperasi-koperasi digalakkan untuk memasarkan produk dalam platform ini atau lain-lain platform e-dagang. Suruhannya Koperasi Malaysia juga sentiasa mengadakan program yang berbentuk awareness bagi menggalakkan koperasi untuk memasarkan produk dalam platform e-dagang.

Gambar 6 : Antara produk-produk keluaran koperasi yang turut dipasarkan dalam platform e-Dagang MyMall



Platform e-Dagang Koperasi

Merupakan platform digital yang dibangunkan oleh koperasi yang bertujuan untuk memasarkan produk barangan keperluan pengguna, produk keluaran anggota dan usahawan IKS secara dalam talian bagi mengembangkan lagi pasarannya dan dapat bersaing dengan produk-produk sedia ada.

Aplikasi TAPTAPLAH

Aplikasi TAPTAPLAH telah dibangunkan oleh Koperasi Tanjong Keramat Malaysia Berhad merupakan usaha dan peluang untuk

meningkatkan produktiviti produk dan perkhidmatan Koperasi melalui sistem aplikasi digital. Ia menyediakan data dan analisis bagi tujuan pemasaran dan prestasi perniagaan tempatan. Platform TAPTAPLAH menawarkan kos minimum untuk koperasi melabur dalam pendigitalan di mana semua aktiviti pembiayaan, penyelenggaraan dan penambahbaikan akan dilakukan melalui platform TAPTAPLAH. Suruhanjaya Koperasi Malaysia menyokong inisiatif yang dilaksanakan Koperasi dengan memberi ruang dan peluang promosi dalam Seminar Pendigitalan Koperasi Peringkat Zon untuk Koperasi meluaskan pemasaran platform TAPTAPLAH kepada koperasi-koperasi lain.


Gambar 7 : Majlis pelancaran aplikasi TAPTAPLAH



"Ia menjadikan proses pengambilan anggota koperasi yang lebih mudah dan pantas selain sebuah pelaburan minimum untuk koperasi melabur dalam pendigitalan. "Selain itu, kebanyakan anggota koperasi tidak mendapat akses penuh kerana kurang kesedaran mengenai tawaran dan servis yang ditawarkan oleh koperasinya sendiri.

"Dengan wujudnya TAPTAPLAH ini, anggota koperasi dan bukan anggota dapat menggunakan serta menilai servis koperasi melalui satu platform yang mesra pengguna,"Petikan ucapan perasmian oleh YB Datuk Ewon Benedick Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Gambar 8 : Aplikasi TAPTAPLAH



TANJONG KERAMAT

TAPTAPLAH

**PEMERKASAAN
PERNIAGAAN
KOPERASI MELALUI
PLATFORM DIGITAL**

Download on the
Google play

Download on the
App Store

**MODUL
UNIT PERKHIDMATAN
TAPTAPLAH**

- KEANGGOTAAN
- PEMBIAYAAN DIGITAL
- E-DAGANG
- TAKAFUL/ INSURANS
- GANJARAN REFERRAL
- EWALLET
- CONSUMER LOAN
- PENGURUSAN DATA

Link aplikasi Taptaplah: <https://getapp.taptaplah.com/>

Program Adaptasi Teknologi Koperasi / Cooperative Technology Adoption Programme (C-TAP)


Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 dalam Bidang Tujahan 4 melalui Langkah Strategik untuk menyediakan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan perniagaan koperasi

merangkumi pengadaptasian teknologi, digitalisasi dan automasi. Melalui Program ini, Koperasi yang diluluskan akan menerima solusi IR4.0 atau solusi digital yang diperlukan dan sesuai untuk digunakan oleh pihak koperasi. Solusi ini akan dibekalkan oleh pihak *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC) selaku Agensi Pelaksana Strategik bagi program ini.

Rajah 4.3 : Senarai Solusi



Rajah 4.4 : Solusi Diterima oleh Koperasi



Program Dagang Produk/Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-DAPAT)

Program e-DAPAT adalah program promosi, pemasaran dan jualan produk/perkhidmatan koperasi melalui pelbagai platform/ medium atas talian bagi meningkatkan jualan produk/

perkhidmatan koperasi yang tidak hanya tertumpu kepada bentuk perniagaan kedai fizikal semata-mata. Peruntukan sehingga RM20 ribu diluluskan kepada 121 koperasi bagi membiayai kos penyediaan bahan promosi, pemasaran dan pengiklanan produk/perkhidmatan koperasi secara atas talian, bayaran fi penyertaan platform atas talian dan lain-lain kos yang berkaitan.

Gambar 9 : Program Dagang Produk/Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-DAPAT)



Program Pemerksaan Digital Koperasi / Cooperative Digital Empowerment (C.O.D.E)

Program diadakan bertujuan bagi mempertingkatkan pengetahuan dan seterusnya mengaplikasikan teknologi digital terkini khusus dalam perniagaan Sektor Koperasi dan keusahawanan dengan memfokuskan kepada teknologi terkini yang memberi impak kepada kecekapan dalam pengoperasian serta peningkatan penggunaan teknologi dalam pengurusan dan pentadbiran.

Program Bekalan Barangan Asas (BA 100)

Inisiatif Angkasa ini merupakan platform/sistem berkomputer (JiMAT Biz dan JiMAT Shop Retail Platform) yang dibangunkan sebagai “single platform on cloud technology” yang akan menghubungkan antara anggota koperasi (pengguna) kepada kedai-kedai runcit koperasi seluruh Malaysia serta pembekal.



Bab 5

DASAR DAN PROSPEK 2023

Dasar-Dasar Pemangkin Gerakan Koperasi

Prestasi Pelaksanaan TransKoM

Inisiatif Tambah Nilai / Langkah Intervensi Program TransKoM Tahun 2022

Pencapaian Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2015 Fasa 2 (1 Januari – 31
Disember 2022)

Bidang Tujahan 1: Penerapan Nilai Kemakmuran Bersama

Bidang Tujahan 2: Pemantapan Sistem Perundangan dan Governan

Bidang Tujahan 3: Pengukuhan Bakat dan Pembangunan Insan

Bidang Tujahan 4: Pembentukan Persekitaran Perniagaan yang Mampan dan Lestari

Bidang Tujahan 5: Pemeraksanaan Badan Induk dan Sistem Penyampaian Koperasi

Pembangunan Pelan Pendigitalan Koperasi

Pakej Rangsangan Ekonomi Koperasi

Kajian Pembangunan Dasar Koperasi Malaysia

Memudahcara Perniagaan Koperasi

Isu dan Cabaran

Melangkah ke Hadapan

Penutup

Bab 5 DASAR DAN PROSPEK 2023

DASAR-DASAR PEMANGKIN GERAKAN KOPERASI

Dasar-dasar pembangunan koperasi merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi koperasi. Ia adalah hasil komitmen dan usaha transformasi yang dirancang agar dapat menyumbang dalam pembangunan negara. Sektor Koperasi merupakan penyumbang yang signifikan dan menjadi sebahagian agenda penting yang turut digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), dengan matlamat untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dalam jangka pendek 2021-2025 yang bertepatan Keluarga Malaysia harus makmur, inklusif dan mampan.

Matlamat RMKe-12 adalah untuk menjana kekayaan yang lebih saksama dan mencapai matlamat kemampanan negara. Justeru Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM) telah

diwujudkan sebagai pemandu arah bagi memacu pertumbuhan Sektor Koperasi dalam jangka masa sederhana agar dapat menyediakan persekitaran berkoperasi yang lebih inklusif, berjaya dan mampan yang menyumbang terhadap kesejahteraan sosioekonomi anggota.

Pada tahun 2023, kajian separuh penggal pelaksanaan TransKoM akan dilaksanakan untuk melihat pencapaian semasa, dan juga sebagai pasca nilai bagi melihat keberkesanan program jangka pendek yang telah dilaksanakan. Kajian ini juga perlu dilaksanakan bagi menilai impaknya terhadap Sektor Koperasi serta isu dan cabaran yang dihadapi bagi menyediakan program intervensi jangka pendek untuk menambah baik pelan ini agar visi dan misi TransKoM dapat dijayakan. Rajah 5.1 menunjukkan lima (5) impak utama transformasi koperasi yang ingin dicapai dalam TransKoM dan perlu menjadi tanda aras pelaksanaan semua program menerusi sasaran KPI yang telah ditetapkan.

Rajah 5.1 : Impak Tranformasi Sektor Koperasi



PRESTASI PELAKSANAAN TRANSKOM

Koperasi merupakan antara entiti sosioekonomi utama yang berjaya meningkatkan kesejahteraan anggotanya melalui penglibatan aktiviti ekonomi dan keusahawanan. Sektor Koperasi juga telah membantu negara membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang ekonomi bagi melahirkan sebuah masyarakat yang makmur dan sejahtera.

Menyedari akan kepentingan tersebut, transformasi secara menyeluruh ke atas Sektor Koperasi perlu dilaksanakan bagi memperkasa dan memantapkan peranannya supaya terus mampan dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Sektor Koperasi perlu dilonjakkan ke tahap yang lebih tinggi seiring dengan era digitalisasi.

Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021 - 2025 atau TransKoM yang dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan

dan Koperasi (KUSKOP) ini adalah bertepatan dalam menjadi paksi transformasi kepada Sektor Koperasi di Malaysia. Pelan ini yang telah menggariskan sebanyak 5 bidang tujuan, 20 langkah strategik dan 36 program serta aktiviti, akan menjadi pemacu kepada pembangunan koperasi yang lebih progresif dan berdaya saing. Ia seterusnya akan menjamin kelangsungan Sektor Koperasi negara sebagai penyumbang terbesar kepada peningkatan sosioekonomi dan kesejahteraan masyarakat di negara ini.

Anjakan transformasi yang dibawa melalui TransKoM 2021-2025 ini dapat dilihat melalui pelaksanaan langkah strategik dan program mengikut fasa pelaksanaan yang telah digaris sehingga tahun 2025. Kesemua langkah strategik yang digariskan di bawah TransKoM menjurus kepada pelaksanaan transformasi yang menyeluruh bagi memacu pertumbuhan mampan Sektor

Koperasi Malaysia. Kejayaan proses transformasi ini bergantung kepada komitmen, kerjasama dan usaha baik daripada setiap pihak yang berkepentingan.

Pelaksanaan pelan ini dibahagikan kepada tiga (3) fasa seperti berikut:

- Fasa 1: 2021 - Membina momentum dan meletak asas yang kukuh dan berstruktur
- Fasa 2: 2022-2023 - Memacu pertumbuhan dan peningkatan prestasi
- Fasa 3: 2024-2025 - Menganjak ke arah Kecemerlangan

Di bawah setiap fasa pelaksanaan terdapat program dan KPI yang perlu dicapai yang menjurus ke arah transformasi menyeluruh bagi memacu pertumbuhan mampan Sektor Koperasi.

Rajah 5.2 : Fasa dan Hala Tuju Transformasi



Halatuju pelan



Memperkasakan gerakan Koperasi di Malaysia sebagai pemangkin pertumbuhan sosioekonomi negara yang seimbang, inklusif progresif dan mampan

INISIATIF TAMBAH NILAI / LANGKAH INTERVENSI PROGRAM TRANSKOM BAGI TAHUN 2022

Sebanyak enam (6) Langkah intervensi telah dicadangkan bagi Program TransKoM tahun 2022 seperti berikut:

- i. Penyediaan manual pemulihan koperasi tidak aktif dan dormant;

- ii. Arahan koperasi asas menjadi anggota federasi;
- iii. Pindaan Garis Panduan 12 (GP12) bagi memudahkan pendaftaran koperasi;
- iv. Kerjasama dengan UDA Holdings Berhad untuk pusat sehenti koperasi di Premis MARI Mart;
- v. Mengintegrasikan produk koperasi di platform MyMall; dan
- vi. Integrasi maklumat yang melibatkan pihak pelaksana seperti IKMa dan ANGKASA dalam pelaporan TransKoM.

PENCAPAIAN PELAN TRANSFORMASI KOPERASI MALAYSIA (TransKoM) 2021-2015 FASA 2 (1 JANUARI-31 DISEMBER 2022)

Rajah 5.3 : Pencapaian TransKoM

BIDANG TUJAHAN	BIL AKTIVITI	PENCAPAIAN		% PENCAPAIAN
		100%	<100%	
1) Penerapan Nilai Kemakmuran Bersama	5	4	1	98%
2) Pemantapan Sistem Perundangan dan Struktur Governan	9	5	4	91%
3) Pengukuhan Bakat dan Pembangunan Modal Insan	7	6	1	96%
4) Pembentukan Persekitaran Perniagaan yang Mampan dan Lestari	18	16	2	99%
5) Pemerkasaan Badan Induk dan Sistem Penyampaian Koperasi	12	7	5	93%

 **51** Aktiviti

100% **38** Aktiviti

<100% **13** Aktiviti

72

BIDANG TUJAHAN 1: PENERAPAN NILAI KEMAKMURAN BERSAMA

Di bawah bidang tujuan ini terdapat lima aktiviti yang mana empat daripada aktiviti telah memperoleh 100% bagi fasa 2, dan satu aktiviti pencapaian kurang 100%.

Antara program di bawah bidang tujuan 1 yang dilaksanakan pada tahun 2022 adalah program kesedaran dan turun padang bagi memasyarakatkan koperasi. Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 898 koperasi baharu berjaya didaftarkan.

Peningkatan sumbangan koperasi terhadap pembangunan sosioekonomi dan alam sekitar dapat diukur melalui bacaan Indeks Gerakan Koperasi (IGK). Pada tahun 2022, Pembangunan IGK telah mencapai 30% daripada keseluruhan pelaksanaan kajian. Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi (IndeKA) merupakan sebuah indeks yang dibangunkan pada tahun 2018 sebagai indikator bagi memantau tahap kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia. Hasil dapatan kajian IndeKA 2021 menunjukkan secara keseluruhan tahap kesejahteraan anggota koperasi adalah memuaskan dengan skor 74.6 berbanding skor tahun 2018 iaitu 69.1. Untuk memastikan nilai indeks dapat ditingkatkan, perlunya kajian lanjutan yang lebih bersasar dilaksanakan bagi merangka

program intervensi yang lebih berkesan. Serta penambahbaikan komponen dan kaedah berdasarkan keperluan semasa sehingga 31 Disember 2022, 50% pelan intervensi IndeKA telah berjaya dilaksanakan. Ia dibangunkan bagi memantau perkembangan kesejahteraan anggota koperasi dan akan bertindak sebagai penanda aras dalam mengukur sejauh mana pencapaian tahap kesejahteraan hidup anggota koperasi daripada nilai skor yang telah diperolehi. Indeks yang dihasilkan juga akan dapat mengukur keberkesanan pelaksanaan dasar semasa dan sebagai panduan membuat penambahbaikan ke atas dasar sedia ada.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia bertanggungjawab mengurus, menyenggara dan mentadbir kumpulan wang seperti yang termaktub di bawah seksyen 41 Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 yang terdiri daripada beberapa jenis kumpulan wang. Menambahbaik skop dan pelaksanaan Kumpulan Wang Amanah (KWA) merupakan antara cabaran yang dihadapi Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada masa ini. Walau bagaimanapun Suruhanjaya Koperasi Malaysia berjaya meningkatkan pengagihan kumpulan wang secara bersasar mengikut aktiviti pendaftaran, pemulihan, pempromosian, pembangunan, padanan dan pemantauan koperasi.

PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN AKTIVITI 2022	PENCAPAIAN 1/1/2022 - 31/12/2022	% PENCAPAIAN
LS1 / P1 Program kesedaran turun padang	Peningkatan pendaftaran koperasi kumpulan sasaran	i. 2,000 prapendaftaran ii. 1,000 koperasi didaftarkan	2,064 koperasi 898 koperasi	100% 90%
LS2 / P1 Membangunkan Indeks Gerakan Koperasi (IGK)	Peningkatan sumbangan koperasi terhadap pembangunan sosioekonomi dan alam sekitar melalui bacaan IGK	30% daripada keseluruhan kajian pembangunan IGK disiapkan	30 % daripada keseluruhan kajian pembangunan IGK disiapkan	100%
LS3 / P1 Membangunkan Indeks Kesejahteraan Anggota (IndeKA) yang lebih bermakna dan inklusif	Peningkatan IndeKA	Pelan intervensi IndeKA 50% disiapkan	Pelan intervensi IndeKA disiapkan 50%	100%
LS4 / P1 Menambah baik skop dan pelaksanaan Kumpulan Wang Amanah (KWA)	Peningkatan pengagihan Kumpulan Wang Amanah (KWA) secara bersasar	20% agihan bersasar	36% agihan bersasar	100%

BIDANG TUJAHAN 2: PEMANTAPAN SISTEM PERUNDANGAN DAN GOVERNAN

Di bawah bidang tujuan ini terdapat sembilan aktiviti yang mana lima daripada aktiviti telah mencapai 100% pelaksanaan bagi fasa 2, dan empat aktiviti pencapaian kurang 100%. Pemantapan sistem perundangan dan governan antaranya melibatkan aktiviti meliberalisasikan perundangan koperasi untuk memudahkan koperasi bagi menjalankan perniagaan dan kebajikan anggota. Pada tahun 2022 kajian ke atas cadangan pindaan Akta Koperasi 1993 (Akta 502) telah dilaksanakan dengan pencapaian 70% pelaksanaan kajian oleh pihak Institut Koperasi Malaysia (IKMa).

Di bawah Langkah Strategik 2, TransKoM 2021-2025, memperkukuhkan penguatkuasaan dan undang-undang pengawalselia, Pelan Pemutihan Koperasi dilaksanakan dengan penetapan KPI peningkatan bilangan koperasi aktif dari tahun ke tahun. Koperasi-koperasi yang tidak aktif dibantu melalui pemberian bantuan pengukuhan, khidmat nasihat dan bantuan pakar bagi memulihkan koperasi supaya kembali aktif. Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 1,500 koperasi tidak aktif berjaya dipulihkan dan 423 koperasi dormant telah dibatalkan pendaftaran. Di bawah langkah strategik ini juga, sasaran kutipan Pembiayaan Tidak Berbayar (NPF) dengan sasaran RM15 juta kutipan telah berjaya dicapai pada tahun 2022. Pencapaian terperinci bidang tujuan 2 TransKoM adalah seperti berikut:

PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN AKTIVITI 2022	PENCAPAIAN 1/1/2022 - 31/12/2022	% PENCAPAIAN
LS1 / P1 Pindaan Akta Koperasi 1993	Pindaan Akta Koperasi 1993	Kajian ke atas cadangan pindaan Akta Koperasi 1993 selesai dilaksanakan	70% kajian telah disiapkan	70%
LS2 / P1 Melaksanakan Pelan Pemutihan Koperasi	Peningkatan bilangan koperasi yang aktif	i. 557 koperasi tidak aktif dipulihkan ii. 402 koperasi dormant diperakui batal	i. 1,500 koperasi tidak aktif dipulihkan ii. 423 koperasi dormant diperakui batal	100% 100%
LS2/ P2 Menambah baik proses kutipan, pemantauan dan penguatkuasaan pembiayaan Tabung Modal Pusingan	Peningkatan peratusan kutipan Pembiayaan Tidak Berbayar (NPF)	RM 15 juta kutipan NPF	RM 15.3 juta kutipan	100%
LS3 / P1 Memantapkan kriteria dan garis panduan bagi pelantikan : ALK, pengurusan koperasi dan subsidiari	Penurunan bilangan kes ketidakpatuhan / <i>mismanagement</i> / <i>misappropriation of fund</i> / salah guna kuasa	Pindaan GP3 selesai disediakan	Draf 80% siap	80%
LS4/ P1 Menambah baik struktur governan dan tatacara pengoperasian Koperasi Puncak	Peningkatan kadar pertumbuhan Koperasi Puncak	i. Garisan panduan koperasi puncak selesai disediakan ii. RM 6 juta dana disalurkan iii. 1,480 bilangan koperasi aktif yang boleh hadir MAPT iv. RM 140,442,240 perolehan tahunan	i. 80% proses penyediaan peraturan ii. RM 6 juta telah disalurkan iii. 1,449 bilangan koperasi iv. RM 142,073,280	80% 100% 98% 100%

BIDANG TUJAHAN 3: PENGUKUHAN BAKAT DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Modal insan berpengetahuan, berinovasi, berintegriti dan berdaya maju merupakan komponen utama dalam memacu kecemerlangan Sektor Koperasi Malaysia. Institut Koperasi

Malaysia (IKMa) dipertanggungjawabkan bagi pelaksanaan program dan KPI di bawah bidang tujuan tiga. Di bawah bidang tujuan ini terdapat (7) aktiviti yang mana enam (6) daripada aktiviti telah mencapai pencapaian 100% bagi fasa 2 seperti berikut:

PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN AKTIVITI 2022	PENCAPAIAN 1/1/2022 - 31/12/2022	% PENCAPAIAN
LS1/ P1 Pembangunan Modul Latihan Bersepadu berdasarkan keperluan dan/ atau permintaan kumpulan sasaran	Bilangan modul dibangunkan/ disemak/ dikaji semula bagi memenuhi kumpulan sasaran	5 modul latihan dibangunkan/ disemak semula	10 modul latihan dibangunkan/ disemak semula	100%
LS1/ P2 Menyediakan Latihan Pensijilan Profesional kepada ALK, pengurusan dan tenaga kerja koperasi	Peningkatan ALK memiliki sijil profesional yang diiktiraf	5 modul program sijil eksekutif disediakan	5 modul program sijil eksekutif disediakan	100%
LS2/ P1 Menubuhkan Jawatankuasa Pencarian (<i>Search Committee</i>)	Peningkatan bakat/ tenaga kerja koperasi di pelbagai peringkat dalam kalangan golongan profesional	2 kerjasama strategik	2 kerjasama strategik dilaksanakan	100%
LS2/ P2 Menjalinkan kerjasama strategik bersama Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan serta pertubuhan belia dan profesional	Peningkatan bilangan ALK dalam golongan profesional dan belia	1 kerjasama strategik	1 kerjasama strategik dilaksanakan	100%
LS2/ P3 Memantapkan peranan Koperasi Siswa		1 program kesedaran berkoperasi di IPTA	1 program kesedaran berkoperasi di IPTA dilaksanakan	100%
LS3/ P1 Membangunkan Program <i>Cross Fertilization</i>	Peningkatan bilangan ahli pengurusan koperasi yang menyertai Program <i>Cross Fertilization</i>	Pembangunan 1 Program <i>Cross Fertilization</i>	70% (perancangan pembangunan program)	70%
LS4/ P1 Membangunkan modul latihan berperingkat khususnya dalam pengurusan kewangan dan adaptasi teknologi	Pembangunan Modal Latihan berperingkat bagi ALK, Anggota dan Pengurusan Koperasi	Pembangunan 2 modul latihan	2 modul latihan dibangunkan	100%

BIDANG TUJAHAN 4: PEMBENTUKAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG MAMPAN DAN LESTARI

Ekosistem yang holistik dan kondusif amat kritikal bagi menyokong pertumbuhan mampan Sektor Koperasi. Di bawah bidang tujuhan ini terdapat 18 aktiviti yang mana 16 daripada

aktiviti telah mencapai 100% bagi fasa 2. Melalui pelan ini, kerangka yang disediakan juga menyokong ekosistem yang kondusif bagi pembangunan perniagaan koperasi merangkumi aktiviti akses kepada pembiayaan, pengadaptasian teknologi, digitalisasi dan automasi, program bimbingan, sokongan, fasilitasi dan khidmat nasihat dan akses kepada pasaran domestik, serantau dan antarabangsa.

PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN AKTIVITI 2022	PENCAPAIAN 1/1/2022 - 31/12/2022	% PENCAPAIAN
LS1 / P1 Meningkatkan pembiayaan bersasar koperasi melalui SKM, Bank Rakyat dan Bank Koperasi	Peningkatan sumbangan koperasi kepada KDNK	Pembiayaan bersasar koperasi berjumlah RM 675 juta : • TMPSKM RM 100 juta • Bank Rakyat RM 450 juta • CBP : RM 125 juta	Pembiayaan bersasar koperasi berjumlah RM 799 juta	100%
LS1 / P2 Menyediakan pembiayaan alternatif kepada koperasi		RM 2 juta pembiayaan Akaun Deposit Koperasi (CDA) dikeluarkan kepada koperasi	RM 1,918,000.00 pembiayaan CDA	96%
LS1 / P3 (Unit sambungan) Membangunkan program adaptasi teknologi berstruktur dengan kerjasama pihak industri	1. Peningkatan peratusan pendapatan koperasi	i. 16 SKU dibawah Program PUTRA perlu disiapkan i. Koperasi perlu menyelesaikan naiktaraf teknologi proses pembuatan produk halal keluaran koperasi (HTTP)	16 SKU dibawah Program PUTRA telah disiapkan 80% perkembangan naiktaraf selesai	100% 80%
LS1 / P3 (sambungan) Membangunkan program adaptasi teknologi berstruktur dengan kerjasama pihak industri	2. Peningkatan bilangan koperasi	i. HTTP : 5 koperasi ii. PUTRA : 8 koperasi	i. 5 koperasi ii. 8 koperasi	100% 100%
LS1 / P4 Menyediakan pembiayaan automasi dan digitalisasi	Peningkatan pembiayaan automasi dan digitalisasi	Melebihi pencapaian Fasa 1 (2021) iaitu RM 1.65 juta (22 koperasi)	RM 6,828,000 (245 koperasi)	100%

PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN AKTIVITI 2022	PENCAPAIAN 1/1/2022 - 31/12/2022	% PENCAPAIAN
LS1/ P5 Mewujudkan Pusat Sehati (PSK) Koperasi secara fizikal dan <i>virtual</i>	Penambahan PSK secara fizikal dan <i>virtual</i>	i. 1 PSK fizikal ii. 1 PSK <i>virtual</i>	i. 1 fizikal ii. 1 <i>virtual</i>	100% 100%
LS1/ P6 Mempergiatkan program promosi dan pemasaran produk koperasi di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa	1. pembangunan platform perniagaan koperasi 2. Bilangan Program promosi / pemasaran produk koperasi secara fizikal dan <i>virtual</i>	i. 5 koperasi membangunkan platform e-Dagang ii. 10 fizikal 1 <i>virtual</i>	5 koperasi/ e-Dagang 27 fizikal 2 <i>virtual</i>	100% 100%
LS1/ P7 Membangunkan platform padanan peniagaan (<i>business matching</i>) koperasi	1. Pembangunan platform padanan perniagaan koperasi 2. Bilangan program padanan perniagaan yang dianjurkan	i. 1 platform diwujudkan ii. 30 program	100% pembangunan platform 62 program	100% 100%
LS2/ P1 Menganalpasti dan menilai keupayaan serta kebolehlaksanaan koperasi dalam bidang pertumbuhan baharu	Peningkatan bilangan koperasi menceburi bidang pertumbuhan baharu	5 koperasi menceburi bidang baharu	14 koperasi	100%
LS2/ P2 Memberikan latihan <i>coaching</i> dan <i>mentoring</i> bagi koperasi terpilih		latihan kepada 30 koperasi	40 koperasi	100%
LS3/ P1 Menyediakan insentif dalam pelbagai bentuk bagi menggalakkan penggabungan koperasi	Peningkatan bilangan keanggotaan federasi	1. Setiap federasi menyediakan Rancangan Perniagaan (RP) ii. Jumlah keanggotaan federasi meningkat	i. Setiap Federasi Koperasi telah mempunyai RP ii. Tambahan 34 anggota	100% 100%
LS4/ P1 Melaksanakan kerjasama strategik antara koperasi, kementerian, agensi, industri, dan pihak berkepentingan	Peningkatan bilangan kerjasama strategik	15 kerjasama strategik	24 kerjasama strategik dilaksanakan	100%

BIDANG TUJAHAN 5: PEMERKASAAN BADAN INDUK DAN SISTEM PENYAMPAIAN KOPERASI

Proses transformasi hendaklah bermula daripada badan induk

koperasi itu sendiri sebagai perintis dan peneraju perubahan. Di bawah bidang tujuhan ini terdapat 12 aktiviti yang mana tujuh (7) daripada aktiviti telah mencapai pencapaian 100 % bagi fasa 2 seperti berikut:

PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN AKTIVITI 2022	PENCAPAIAN 1/1/2022 - 31/12/2022	% PENCAPAIAN
LS1 / P1 Pindaan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007	Pindaan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 dimuktamadkan	Draf RUU Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2022 disiapkan	Draf RUU telah disiapkan	100%
LS1 / P2 Membangun dan melaksanakan Pelan Transformasi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	Pembangunan dan pelaksanaan Pelan Transformasi SKM	i. Pembangunan Pelan ii. Peratus pencapaian pelaksanaan Pelan Strategik SKM tahun 2022	i. 100% siap ii. 71% pencapaian	100% 71%
LS2/ P71 Membangun dan melaksanakan Pelan Transformasi Institut Koperasi Malaysia (IKMa)	Pembangunan dan pelaksanaan Pelan Transformasi IKMa	i. Pembangunan Pelan Strategik IKMa ii. Kelulusan penubuhan UKKM iii. Kelulusan MQA	i. 90% penyiapan ii. Kelulusan KPT diterima iii. Semakan diperingkat MQA adalah 90%	90% 100% 90%
LS3/ P1 Membangun dan melaksanakan Pelan Digitalisasi Koperasi	Pembangunan dan pelaksanaan Pelan Digitalisasi Koperasi (PDK)	Penyiapan PDK Penyediaan Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi	90% Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (PTDK) telah disiapkan	90%
LS4/ P1 Penjajaran semula kategori dan klasifikasi koperasi agar selari dan perkembangan semasa	Pewujudan Klasifikasi Koperasi yang selari dengan standard klasifikasi di peringkat nasional dan antarabangsa	Koperasi dikategorikan berdasarkan perekodan DOSM [mengikut <i>the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC)</i>] (80% penyiapan)	100% pelaksanaan	100%
LS4/ P2 Membangunkan Pusat Repositori Maklumat Koperasi	Penubuhan Pusat Repositori Maklumat Koperasi	i. Pembangunan Sistem Pembangunan Maklumat koperasi (SPK) (5% pencapaian keseluruhan)	100% (pencapaian fasa 2)	100%

PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN AKTIVITI 2022	PENCAPAIAN 1/1/2022 – 31/12/2022	% PENCAPAIAN
LS4 / P2 Membangunkan Pusat Repositori Maklumat Koperasi	Penubuhan Pusat Repositori Maklumat Koperasi	ii. a) Perancangan Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Koperasi Bersepadu (SPKB) – (Bajet, Kelulusan JPICT/ JTISA MAMPU) (2% pencapaian keseluruhan)	100% (pencapaian fasa 2)	100%
		ii. b) Pre user requirement study (SPKB)	100% siap	100%
		iii. 9 sistem sedia ada ditambahbaik dan disenggara a. 6 sistem yang ditambahbaik dan disenggara • SPPK • SPMKK • SKM-FS (SAGA) • SPCC • MySKM • SPA & SPS b. 3 Sistem yang disenggara • PROMEXT • INFODDE • EFAST	6 sistem disenggara dan ditambahbaik	89%

Salah satu langkah strategik yang digariskan di bawah bidang tujuan ini adalah memperkasakan peranan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai agensi induk kawal selia dan pembangunan koperasi dengan sasaran petunjuk prestasi utama KPI Pindaan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665] dimuktamadkan. Sehingga 31 Disember 2022, draf RUU Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (pindaan) 2022 telah berjaya

disiapkan dan dijangka akan dibawa kepada jemaah menteri tahun 2023. Pelaksanaan program fasa 2 Pelan TransKoM akan diteruskan pada tahun 2023 mengikut perancangan program dan KPI yang telah ditetapkan. Secara keseluruhannya pencapaian program dan aktiviti Pelan TransKoM adalah baik dan mengikut garis masa fasa 2 bagi tahun 2022.

PEMBANGUNAN PELAN PENDIGITALAN KOPERASI

Bagi menggerakkan ekonomi koperasi ke arah ekonomi digital termasuk menerusi 5G, mengikut kesesuaian, selari dengan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0), satu kajian telah dilaksanakan bagi membangunkan Pelan Digitalisasi Koperasi Malaysia 2030 (DigiKOP).

Rangka tindakan ini bakal memetakan hala tuju koperasi secara berfasa dalam proses adaptasi digitalisasi koperasi. Ia antara lain untuk menyokong norma baharu pengurusan dan operasi perniagaan yang bersifat *end to end* melalui data masa nyata dan proses yang lebih kos efisien. Langkah ini juga selari dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia 2030 yang menetapkan visi untuk negara menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital dan mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab dan mampan.

Justeru, kajian pembangunan DigiKOP yang sedang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan kerjasama ANGKASA dan Universiti Malaysia Kelantan akan turut memberi perhatian dalam mengatasi isu-isu pendigitalan dalam Sektor Koperasi antaranya:

- kualiti dan liputan perkhidmatan jalur lebar yang rendah
- keupayaan penyediaan infrastruktur digital
- Modal insan berkemahiran digital yang masih tidak mencukupi
- kapasiti koperasi mengikut kluster yang berbeza

DigiKOP menggariskan beberapa Teras Strategik, Langkah Strategik (LS) dan inisiatif-inisiatif yang menjadi rujukan kepada koperasi. Selari dengan aspirasi Sektor Koperasi Malaysia untuk membina masyarakat digital, DigiKOP mempunyai visi untuk memacu Sektor Koperasi yang lebih moden, sistematik dan berdaya saing. DigiKOP dijangka akan dilancarkan pada pertengahan tahun 2023 yang akan menjadi peta jalan bagi menentukan hala tuju pendigitalan Sektor Koperasi sehingga tahun 2030.

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KOPERASI

Pada tahun 2022, sebagai insentif kepada perkembangan Sektor Koperasi di Malaysia dalam mendepani arus ekonomi pasca pandemik, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah diperuntukkan dengan dana Geran Pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Dua Belas (RMKe-12) sebanyak RM3 juta merangkumi Program

Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 2.0 sebanyak RM2 juta dan Program Pemeraksanaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE) sebanyak RM1 juta. Pakej dana ini diagihkan kepada koperasi-koperasi sebagai penggalak (*booster*) kepada pertumbuhan aktiviti ekonomi Sektor Koperasi supaya terus berdaya saing dalam arus ekonomi yang semakin mencabar. Perincian prestasi dana adalah seperti di Jadual 5.1.

Jadual 5.1 : Akses Pembiayaan di bawah RMKe-12

PROGRAM	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	PRESTASI PROGRAM
Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 2.0 (Bantuan Pembangunan)	RM 2 juta	Perbelanjaan: RM 2 juta (100%) Penerima Manfaat: 10 Koperasi
Program Pemeraksanaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE)	RM 1 juta	Perbelanjaan: RM 1 juta (100%) Penerima Manfaat: 7 Koperasi
Jumlah Dana	RM 3 juta	100% dibelanjakan

Disamping itu juga, Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) masih lagi diteruskan pada tahun 2022 menggunakan peruntukan tambahan yang telah diluluskan oleh kerajaan bagi Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER) sebanyak RM10 juta. Oleh yang demikian, secara total, dana yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada Sektor Koperasi di bawah PEMULIH adalah sebanyak RM30 juta bagi tahun 2021 dan 2022. Fokus utama program ini adalah bagi mengembalikan keupayaan Sektor Koperasi dalam ekonomi semasa dan memastikan ia kekal relevan dalam ekosistem ekonomi endemik. Perincian dana adalah seperti Jadual 5.2. Disamping itu juga, Pakej Perlindungan Rakyat dan PEMULIH masih lagi diteruskan pada tahun 2022 menggunakan peruntukan tambahan yang telah diluluskan oleh kerajaan bagi Program TRANSFER sebanyak RM10 juta. Oleh yang demikian, secara keseluruhan, dana yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada Sektor Koperasi di bawah PEMULIH adalah sebanyak RM30 juta bagi tahun 2021 dan 2022. Fokus utama program ini adalah bagi mengembalikan keupayaan Sektor Koperasi dalam ekonomi semasa dan memastikan ia kekal relevan dalam ekosistem ekonomi endemik. Perincian dana adalah seperti Jadual 5.2.

Jadual 5.2 : Prestasi Pelaksanaan Bantuan di bawah PEMULIH 2022

PROGRAM	SAIZ DANA		STATUS 2022
	2021	2022	
Program Penubuhan Koperasi Prihatin Rakyat (KPR)	RM 5 juta	-	Sasaran: 50 Koperasi Pencapaian: 50 Koperasi (RM 5 juta @ 100%)
Program Jualan Koperasi Prihatin Rakyat (JKPR)	RM 3 juta	-	Selesai pada tahun 2021
Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER)	RM 10 juta	RM 10 juta	Baki 2021: RM 2,776,104 Sasaran: 100 Koperasi Pencapaian: 100 Koperasi RM 12,776,104 (100%)
Program Dagang Produk/ Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-DAPAT)	RM 2 juta	-	Sasaran: 100 Koperasi Pencapaian: 100 Koperasi (RM 2 juta)
Jumlah Dana	RM 20 juta	RM 10 juta	RM 30 juta dan 100 % dibelanjakan

Bagi menyokong dasar kerajaan merencanakan pertumbuhan ekonomi pasca pandemik, Suruhanjaya Koperasi Malaysia turut menyediakan pakej rangsangan ekonomi menggunakan peruntukan dalaman dan juga kerjasama antara Kementerian dan Agensi Kerajaan. Usaha ini adalah bagi memberi galakan dan sokongan kepada pertumbuhan aktiviti ekonomi koperasi supaya

setara dengan entiti perniagaan tempatan di Malaysia. Pakej-pakej yang disediakan jua adalah berfokus kepada kehendak pasaran di samping sebagai sistem sokongan (*support system*) untuk mengukuhkan aktiviti ekonomi koperasi. Perincian dana adalah seperti Jadual 5.3.

81


Jadual 5.3 : Akses bantuan di bawah dana kementerian, agensi dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Program	Sumber & Jumlah Peruntukan (RM)	Status 2022
Program Pengukuhan Koperasi (PPK) Inovasi produk/perkhidmatan, serta Inovasi pertanian moden dan berteknologi tinggi	KUSKOP RM1 juta	Perbelanjaan: RM1 juta (100%) Penerima Manfaat: 22 Koperasi
Halal Technology Transformation Programme (HTTP) Geran bantuan bagi meningkatkan sistem pengeluaran perniagaan koperasi	KUSKOP RM600,000	Perbelanjaan: RM600,000 (100%) Penerima Manfaat: 3 Koperasi
Product Transformation Programme (PUTRA) Meningkatkan nilai komersil produk halal agar lebih kompetitif di pasaran terbuka.	KUSKOP RM120,000	Perbelanjaan: RM120,000 (100%) Penerima Manfaat: 6 Koperasi
Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi (TBKK) Bantuan kepada koperasi yang terjejas akibat daripada bencana alam & faktor luar kawalan	Suruhanjaya Koperasi Malaysia RM2,509,002.10	Perbelanjaan: RM1,401,950 (55.88%) Penerima Manfaat: 86 Koperasi

Launching Grant Federasi Koperasi Bertujuan bagi melancarkan pembentukan dan pengurusan federasi, menggalakkan penyertaan koperasi anggota serta modal permulaan perniagaan federasi	Suruhanjaya Koperasi Malaysia RM2.4 juta	Perbelanjaan: RM2.4 juta (100%) Penerima Manfaat: 6 Koperasi
Program Visibility dan Pemasaran Produk/Perkhidmatan Koperasi (VISIBILITY) Penerokaan platform pemasaran produk dan perkhidmatan koperasi secara digital (media elektronik dan media sosial) secara lebih meluas	Suruhanjaya Koperasi Malaysia RM500,000	Perbelanjaan: RM130,000 (26%) Penerima Manfaat: 3 Koperasi
Co-Operative Technology Adoption Program (C-TAP) Mempertingkatkan adaptasi teknologi digitalisasi dan automasi dalam operasi perniagaan Koperasi	Suruhanjaya Koperasi Malaysia RM2.0 juta	Perbelanjaan: RM1.8 juta (90%) Penerima Manfaat: 60 Koperasi
Fi pensijilan dan pematuhan halal (<i>Reach Out To Entrepreneur</i>) ROTE Insentif kepada koperasi yang dikenal pasti oleh pegawai HDO untuk dibimbing bagi mendapatkan Sijil Halal	Suruhanjaya Koperasi Malaysia RM16,800	Perbelanjaan: RM200.00 (1.2%) Penerima Manfaat: 1 Koperasi
Jumlah Dana	RM9.15 juta	

Akses pembiayaan dan geran program pembangunan mengikut sektor ekonomi koperasi juga turut difokuskan kepada kumpulan sasar yang menyeluruh (B40, wanita, belia, siswa, OKU, sekolah, kariah masjid, dan lain-lain) dalam memastikan limpahan pakej rangsangan ekonomi ini memberi manfaat kepada koperasi. Hal ini disokong dengan penetapan dalam Pelan Strategik Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Teras Strategik III (Penyampaian Perkhidmatan Berkesan) di bawah Strategi 2: Memperkasa Pembangunan Koperasi Yang Inklusif, yang menggariskan pembiayaan program pembangunan meliputi Bantuan Pembangunan (RM5 juta pada tahun 2022) dan Pembiayaan TMP-SKM (RM100 juta pada tahun 2022) selaras dengan Bidang Tujahan 4, (Langkah Strategik 1) TransKoM.

Selain itu, kerajaan juga memperuntukkan dana pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM) bagi memberi akses kemudahan pembiayaan kepada koperasi untuk melaksanakan, memantapkan atau meneruskan projek- projek yang berdaya maju. Pembiayaan yang ditawarkan adalah merangkumi aktiviti untuk membiayai modal pusingan perniagaan, pemilikan bangunan dan hartanah, perladangan dan pertanian serta kenderaan. Bagi merencanakan semula aktiviti koperasi yang terjejas akibat penutupan penuh aktiviti sosial dan ekonomi ekoran pandemik COVID-19, Suruhanjaya Koperasi Malaysia memperkenalkan Dana Khas COVID-19 sehingga RM200 ribu tanpa cagaran kepada semua koperasi yang layak. Perincian skop pembiayaan TMP seperti di Rajah 5.5: Pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM).

Rajah 5.5 : Pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM)**Jadual 5.4 : Pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM)**

PROGRAM	SUMBER & JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	PRESTASI PROGRAM
Pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP-SKM) Kemudahan pinjaman/pembiayaan kewangan kepada koperasi bagi melaksanakan atau meneruskan projek-projek yang berdaya maju	KWA TMP-SKM Baki boleh guna RM260.16 juta	Kelulusan: RM323.60 juta Penerima Manfaat: 130 Koperasi
Jumlah Dana	RM260.16 juta	

Berdasarkan pakej-pakej rangsangan ekonomi yang disediakan sepanjang tahun 2021, kesannya dapat dilihat terhadap peningkatan prestasi koperasi sebanyak RM45.5 bilion pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 iaitu sebanyak RM37.9 bilion, di mana peningkatan sebanyak 20.1% (RM7.6 bilion).

Berdasarkan trend pertumbuhan ekonomi semasa, tahun 2023 dijangkakan memberikan gambaran peningkatan perolehan

koperasi dengan unjuran 6% iaitu RM48 bilion dengan mengambil kira peralihan arus variasi aktiviti ekonomi koperasi ke arah era pendigitalan dan disokong dengan pakej-pakej rangsangan ekonomi yang telah disediakan bagi tahun 2022.

Pertumbuhan Sektor Koperasi juga dapat dilihat berdasarkan jumlah koperasi berdaftar sehingga 31 Disember 2022 iaitu sebanyak 15,315 buah koperasi berbanding 14,834 buah koperasi

pada 2021 yang menggambarkan peningkatan sebanyak 3.24% (481 buah). Bilangan anggota koperasi juga turut meningkat sebanyak 3.3% (233,593 anggota) pada tahun 2022 iaitu 7,312,712 anggota daripada 7,079,119 anggota pada tahun 2021.

Tahun 2023 menjangkakan pertumbuhan rancak Sektor Koperasi berdaftar di Malaysia dengan mengambil kira aspek keyakinan rakyat terhadap Sektor Koperasi dalam membantu mengurangkan kos sara hidup dan akses kepada pasaran ekonomi yang kompetitif. Selaras dengan Pelan Strategik Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Teras Strategik III (Penyampaian Perkhidmatan Berkesan) di bawah Strategi 2: Memperkasa Pembangunan Koperasi Yang Inklusif, penubuhan dan pendaftaran koperasi disasarkan kepada 600 koperasi pada tahun 2023.

KAJIAN PEMBANGUNAN DASAR KOPERASI MALAYSIA

Kajian bagi memperbaharui Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) sedang berlangsung dan dijangka akan dilancarkan pada penghujung tahun 2023. Kajian ini melibatkan penilaian pencapaian Dasar Koperasi Negara 2011-2020 (DKN 2011-2010) dan juga analisis prospek terhadap sektor ekonomi koperasi sehingga tahun 2030. Berikutan cabaran pandemik COVID-19 yang melanda negara, terdapat keperluan yang mendesak kajian ini dilaksanakan bukan semata-mata memperbaharui dasar yang telah tamat, akan tetapi menjadi satu titik perubahan kepada hala tuju Sektor Koperasi, mengkaji potensi dan peluang serta menentukan sasaran baharu bagi melonjakkan prestasi koperasi. Kajian ini dijangka akan selesai pada tahun 2023 diikuti *blueprint* DaKoM yang memetakan hala tuju Sektor Koperasi. Dasar ini juga mengambil kira dapatan kajian semakan semula unjuran perolehan koperasi bagi tahun 2025 yang turut menjadi input Kajian Separuh Penggal RMKe-12.

Dalam pada itu, usaha melonjakkan perolehan koperasi perlu mengambil kira potensi bisnes yang diceburi, sama ada dengan mengembangkan bisnes sedia ada atau meneroka peluang-peluang pelaburan yang berdaya maju berdasarkan sektor-sektor yang dilihat kritikal, berkeperluan tinggi dan lebih stabil. Antaranya sektor pertanian, perkhidmatan borong dan runcit, perkhidmatan kesihatan dan pelancongan.

Bagi merangsang ekonomi koperasi, tumpuan bersasar perlu diberi terhadap koperasi berkelayakan dan kompeten dalam aspek modal, kepakaran serta bersedia untuk mengendalikan pelaburan yang berdaya maju bagi Program Pembangunan Perniagaan Koperasi 2.0. Dalam masa yang sama memperkasakan koperasi mikro, kecil dan sederhana dalam program-program pembangunan koperasi. Hasil kajian bersama oleh Suruhanjaya

Koperasi Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2022 terhadap tadbir urus dan akauntabiliti koperasi sederhana, kecil dan mikro di Malaysia mendapati terdapat hubungan signifikan di antara perolehan dan tadbir urus koperasi dan keaktifan anggota. Justeru, program kawalselia ke atas tadbir urus koperasi perlu penyesuaian semula bagi meningkatkan kapasiti koperasi.

Hasil kajian semula separuh penggal RMKe-12, turut menjadi input penting dalam pembaharuan Dasar Koperasi Malaysia. RMKe-12 memperkenalkan pendekatan baharu yang dijangka mengubah landskap pembangunan negara bagi tempoh lima tahun akan datang untuk mencapai sebagai sebuah negara yang makmur, inklusif dan mampan yang bertunjangkan tiga tema, empat pemangkin dasar dan 14 pemacu perubahan.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) amat komited memperkasakan agenda melahirkan generasi usahawan selaras aspirasi Keluarga Malaysia digagaskan Perdana Menteri dan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030). Kejayaan pelaksanaan strategi RMKe-12 akan merealisasikan hasrat untuk melahirkan Keluarga Malaysia yang seimbang dan dinamik serta progresif bagi mencapai matlamat transformasi ekonomi yang inklusif.

MEMUDAHCARA PERNIAGAAN KOPERASI

Selaras dengan Bidang Tujahan 4, Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 iaitu Pembentukan Persekitaran Perniagaan Yang Mampan dan Lestari, melalui Langkah Strategik 1: Menyediakan Ekosistem Yang Kondusif Bagi Pembangunan Perniagaan Koperasi, beberapa inisiatif telah digariskan. Antaranya adalah bagi menyemak semula undang-undang berkaitan koperasi serta undang-undang lain ke arah memudahcara perniagaan koperasi. Kajian dilaksanakan termasuk libat urus bersama pemegang taruh untuk mendapatkan input dan maklum balas tentang situasi semasa serta cabaran yang dihadapi oleh Sektor Koperasi untuk beroperasi sebagai sebuah entiti perniagaan.

Keperluan kajian ini adalah bagi menentukan faktor-faktor berkaitan perundangan yang mengekang aktiviti koperasi dan tidak mengiktiraf koperasi sebagai entiti perniagaan sehingga perlu menubuhkan anak syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Kajian ini dilaksanakan agar satu proses pengintegrasian dapat dilaksanakan antara Kementerian-Kementerian yang menjadi pemilik akta yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan koperasi. Dalam masa yang sama untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian dan perkhidmatan koperasi dengan anggota serta masyarakat.

Selaras dengan bidang tujuan 2 TransKoM iaitu Pemantapan Sistem Perundangan dan Struktur Tadbir Urus, langkah strategik yang digunakan adalah dengan meliberalisasikan perundangan koperasi untuk memudah cara koperasi bagi menjalankan perniagaan dan meningkatkan kebajikan anggota. Kajian ini juga dilaksanakan selaras dengan bidang tujuan kelima TransKoM iaitu pemeraksanaan badan induk dan sistem penyampaian koperasi melalui dua langkah strategik. Pertama dengan memperkasakan peranan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai agensi induk kawal selia dan pembangunan koperasi. Kedua dengan memperkasakan peranan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi. Dengan menyemak semula akta koperasi serta perundangan lain yang berkaitan secara lebih komprehensif dan mencadangkan pindaan yang bersesuaian diharapkan dapat meningkatkan kecekapan koperasi dalam menjalankan perniagaan.


Kajian-kajian yang sedang berlangsung ini akan menjadi input penting ke arah semakan semula Akta Koperasi 1993 (Akta 502). Hasil kajian ini yang dijangkakan selesai pada pertengahan

tahun 2023 akan menjadi input penting kepada pemegang taruh terhadap cadangan semakan dan pindaan akta. Ini selaras dengan hasrat kerajaan khususnya badan pengawal selia koperasi untuk membuat pindaan akta selepas kali terakhir pindaan akta ini dibuat pada tahun 2021.

Hasil kajian ini juga akan menjadi sebahagian input penting dalam menggubal dasar dan polisi yang seiring dengan kehendak dan keperluan perundangan semasa. Selain itu, ia dilihat mampu membantu pemegang taruh seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan IKMa meneliti semula fokus gerak kerja bagi mengukuhkan peranan, fungsi, struktur tadbir urus dan sistem penyampaian untuk memperkasakan Sektor Koperasi. Selanjutnya, dapatan kajian ini akan dapat membantu membangunkan program yang lebih berfokus dan mempunyai hala tuju yang jelas untuk kebaikan Sektor Koperasi pada masa akan datang. Perbincangan-perbincangan lanjut antara agensi dan libat urus bersama pemegang taruh dapat diselaraskan ke arah penggubalan akta koperasi yang baharu.

ISU DAN CABARAN

85



Dalam mengurusperdanakan Sektor Koperasi untuk kekal relevan dalam ekosistem ekonomi, terdapat limitasi yang mengekang Sektor Koperasi untuk terus mengorak langkah ke hadapan. Hal ini berikutan faktor-faktor yang melibatkan dasar, perundangan dan adaptasi teknologi semasa. Limitasi ini perlu dimurnikan supaya Sektor Koperasi mampu berdaya saing dalam persaingan pasaran tempatan mahupun global dan seterusnya menjadi penyumbang yang aktif kepada KDNK negara.

Persepsi terhadap Sektor Koperasi di Malaysia juga antara faktor umum yang memberikan kesan keyakinan rakyat terhadap potensi Sektor Koperasi dalam memacu ekonomi samada secara mikro mahupun makro. Justeru, strategi untuk mewujudkan persepsi yang baik dan positif wajar dilaksanakan supaya masyarakat umum dapat menilai koperasi berdasarkan prestasi dan impak Sektor Koperasi terhadap sosioekonomi negara dan dunia.

Peranan koperasi perlu diperkasakan terutama dalam menggalakkan dan menarik minat golongan belia berkoperasi. Program intervensi dalam mempromosikan aktiviti ekonomi koperasi dapat dilaksanakan secara bersasar. Namun demikian penglibatan generasi yang semakin menua diteruskan sebagai mentor kerana pengalaman dan pengetahuan golongan ini dalam menongkah arus ekonomi koperasi boleh dijadikan antologi rujukan kepada koperasi-koperasi lain.

Pelan penggantian dalam ekosistem pengurusan dan pentadbiran koperasi wajar diwujudkan supaya keterjaminan dan kestabilan koperasi di masa hadapan dapat dikekalkan. Hasil kajian yang dilaksanakan oleh IKMa dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada tahun 2022, berkaitan hubungan pelan peralihan dan amalan tadbir urus yang baik dalam kalangan koperasi mikro dan kecil mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah pelan peralihan ALK dengan amalan tadbir urus

koperasi. Pelan peralihan ALK adalah merupakan faktor yang penting dalam pengurusan dan pentadbiran sesebuah koperasi. Peralihan kepimpinan yang berkesan bukan sahaja mampu untuk membantu koperasi mencapai matlamat penubuhannya malah dapat membantu dalam meningkatkan prestasi koperasi.

Dalam era IR4.0, koperasi perlu mengambil langkah proaktif dalam mengadaptasi teknologi supaya seiring dengan kehendak pasaran ekonomi semasa dan seterusnya meningkatkan anjakan paradigma modal insan koperasi supaya berdaya saing dan kompetitif. Tamparan hebat pandemik COVID-19 yang memberi kesan kepada prestasi koperasi telah menjadikan keperluan adaptasi teknologi ini sesuatu yang penting. Teknologi ICT dan pengurusan data raya menjadi sangat penting supaya koperasi dapat merebut peluang dan ruang untuk melaksanakan perubahan pengurusan dan operasi aktiviti ekonomi koperasi secara digital ataupun hibrid (*hybrid*).

MELANGKAH KE HADAPAN

86

Rajah 5.6 : Pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM)



Kawasan Pertumbuhan Baru

Industri pertumbuhan tinggi yang sedia ada dalam Sektor Koperasi perlu disokong dengan lebih baik dengan pengenalan dan sasaran kawasan pertumbuhan baharu. Industri yang diberi keutamaan antaranya ialah pertanian, perkhidmatan perniagaan, pengguna & runcit dan perkhidmatan kewangan.

Arah sektor ekonomi koperasi perlu mengambil kira potensi industri, yang melihat kepada saiznya, potensi pertumbuhan, potensi penciptaan pekerjaan dan sinergi dengan trend global

dan kesesuaian industri, yang melihat kepada kesesuaian industri dalam memacu dan memenuhi pembangunan sektor ini, khususnya sinerginya dengan landskap koperasi tempatan dan global. Antara industri yang diberi keutamaan:

- Pertama, sektor pertanian menjadi sektor yang penting dan perlu diberi tumpuan untuk tujuan pertumbuhan dan perkembangan aktiviti ekonomi pada masa hadapan. Federasi Koperasi Pertanian sebagai koperasi Apex, koperasi boleh bertindak sebagai platform bagi mengumpulkan dan berkongsi sumber untuk pelaburan

dalam teknologi baharu seperti pertanian pintar dan perladangan eko yang sejajar dengan rancangan dan dasar negara, contohnya Dasar Agromakanan Negara 2021-2030. Koperasi boleh meneroka kawasan baharu dan melaksanakan tanaman kontan secara skala besar bagi menampung keterjaminan makanan negara. Dalam masa yang sama peranan federasi diperkukuhkan sebagai pemudahcara yang menawarkan khidmat R&D, latihan dan khidmat kepakaran serta khidmat perluasan pasaran untuk anggota khususnya bagi pasaran eksport.

- Kedua, koperasi menceburi dan meneroka projek-projek bernilai tinggi dalam perkhidmatan perniagaan. Koperasi perlu bersedia beradaptasi dan mentransformasikan bisnes dengan menjadi pemangkin kepada aktiviti ekonomi anggota khususnya usahawan ekonomi 'gig' sebagai platform untuk mereka bekerjasama dan berkongsi sumber. Teknologi seperti perdagangan elektronik (e-dagang), perkomputeran awan (*cloud computing*), dan kepintaran buatan (*artificial intelligence*) adalah kunci untuk kekal berdaya saing dalam industri ini.
- Ketiga, aktiviti pengguna dan runcit oleh koperasi diutamakan demi mengekalkan perkhidmatan menyediakan barangan dan perkhidmatan dengan harga mampu milik serta kompetitif. Aliran pendigitalan boleh memberi peluang baharu kepada koperasi menjangkau pelanggan yang lebih luas melalui platform e-dagang dan pemasaran digital. Penggabungan pemain industri antara koperasi kecil boleh membantu meningkatkan jangkauan pasaran melalui ekosistem rantai bekalan yang lebih komprehensif. Federasi pemborongan dan peruncitan perlu memainkan peranan yang lebih agresif agar dapat membantu meluaskan jangkauan produk koperasi di dalam dan luar negara agar setara dengan syarikat peruncitan swasta.
- Keempat, perkhidmatan kewangan yang menjadi sektor terbesar untuk koperasi harus beralih keutamaannya dengan mensasarkan perkhidmatan tanpa sentuh dan mudah alih. Ini akan memberi peluang dalam industri ini menerusi segmen yang tidak dan kurang mendapat capaian perkhidmatan di kawasan luar bandar di mana koperasi mempunyai kehadiran yang ketara. Di samping itu perluasan perkhidmatan kewangan patuh syariah oleh Sektor Koperasi terus diperkasakan bagi menggalakkan transformasi perkhidmatan kewangan yang kompetitif dalam *niche* perkhidmatan kewangan koperasi.

Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus Koperasi

Menambah baik operasi dalaman koperasi dan menangani prestasi lemah melalui latihan, pemeriksaan usaha wajar dan membangunkan Standard Pengurusan Koperasi Malaysia. Undang-undang dan peraturan yang berkaitan akan ditambah baik untuk memastikan perniagaan dan koperasi kekal aktif. Koperasi besar khususnya yang tersenarai dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia menjadi tanda aras dalam amalan tadbir urus yang baik.

Meningkatkan Keupayaan Ke Arah Peralihan Kluster

86% koperasi kluster mikro perlu diberi keutamaan dalam peralihan kluster untuk meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi dan perkongsian kemakmuran dalam kalangan komuniti koperasi. Kajian yang dijalankan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan UKM pada tahun 2022 ke atas prestasi koperasi sederhana, kecil dan mikro mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara perolehan dan aset koperasi dalam jangka pendek dan jangka panjang. Oleh itu, untuk meningkatkan prestasi koperasi dan meningkatkan perolehan, program pembinaan kapasiti bagi Sektor Koperasi harus lebih inklusif antaranya melalui program-program yang bukan sahaja meningkatkan perolehan koperasi, tetapi juga menggalakkan peningkatan aset dalaman (saham dan yuran) dan dana luaran (iaitu TMP-SKM dan geran).

Peningkatan Keperluan untuk Penggunaan Teknologi oleh Koperasi

Pelaksanaan program penggunaan teknologi disokong oleh teknologi infra dan maklumat untuk membolehkan koperasi mengembangkan pasaran mereka ke seluruh dunia. Usaha berterusan melalui Pelan Pendigitalan Koperasi 2030, strategi dan inisiatif yang dirancang akan dilaksanakan bagi membolehkan transformasi perniagaan koperasi. Pembangunan Sistem Pengurusan Koperasi untuk kegunaan koperasi mikro dan kecil yang sedang diusahakan akan menjadi satu titik perubahan bagi menyokong program adaptasi pendigitalan koperasi. Dengan adanya sistem pengurusan kewangan koperasi atas talian yang bersifat *web based*, tahap pengurusan koperasi akan lebih cekap dan berkesan.

Kemandirian Koperasi APEX dan Federasi

Inisiatif untuk mengukuhkan koperasi melalui federasi koperasi akan dapat meningkatkan keupayaan modal, kepakaran, sumber manusia, membuka pasaran baharu, dan membentuk ekosistem yang menyokong dan berdaya saing. Pada masa ini Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mendaftarkan enam federasi koperasi berdasarkan enam sektor.

- Perkhidmatan Kewangan
- Pertanian dan Industri Asas Tani
- Pemborongan dan Peruncitan
- Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan
- Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan
- Perladangan

Program memperkasakan federasi koperasi akan diteruskan dengan menjadikan beberapa federasi koperasi negara-negara lain seperti di Thailand, Vietnam dan Korea sebagai tanda aras.

PENUTUP

Laporan separuh penggal RMKe-12 akan dibentangkan di Parlimen pada bulan September 2023 yang akan turut disertai laporan prestasi pembangunan koperasi di negara ini. Semakan kepada pencapaian semasa Sektor Koperasi berdasarkan dasar dan pelan strategik sedia ada menjadi intipati utama dalam menentukan prospek koperasi untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Ini termasuklah pelancaran Dasar Koperasi Malaysia 2030 yang dijangkakan akan berlangsung pada akhir tahun 2023 dan juga semakan semula Pelan Transformasi Koperasi.

Pada akhirnya, kelestarian Sektor Koperasi bukan semata-mata dapat meningkatkan kemakmuran tetapi juga menyumbang terhadap kesejahteraan anggota. Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi (IndeKA) akan dapat ditingkatkan menerusi pelan intervensi yang berterusan agar Sektor Koperasi terus memberi impak kepada sosioekonomi negara.

Sidang Pengarang



SIDANG PENGARANG

PENASIHAT

- ENCIK ZAHIR BIN DAHARI

PENGARANG

- DATIN DR. ROMAIZAH BINTI ABD KADIR
- PUAN JULIZA BINTI JAAFAR
- PUAN ROHANISHAH BINTI NORDIN
- ENCIK NASARUDIN BIN MANAN
- ENCIK HAFIEZ SYAFRAN BIN AHMAD SIDI
- PUAN MARIANA BINTI MAT JUSOH
- PUAN ARNIDA BINTI ALIAS
- PUAN NORAINI BINTI AHMAD SHAFIE
- PUAN FATMA ATIQA BINTI MOHD AZMY
- PUAN SYAFIQAH BINTI MOHAMAD KAMIL
- ENCIK MOHAMMAD HAFFIZ BIN MOHD ZAMANI
- PUAN RUZILAWATI BINTI MOHAMAD SAIS
- PUAN ANIS SYAHIRA BINTI AZHAR
- ENCIK MUHAMAD AMMAR BIN AHMAD RAMLI
- ENCIK 'ABDULLAH KHAIRI BIN MOHD ASRI

URUSETIA

- PUAN NORLIAN BINTI MANSUR DIN
- ENCIK ANUAR BIN HASHIM
- PUAN HALIMAHTUN KHABTIAH BINTI MOHD AKBAR



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 KUALA LUMPUR
Tel : 03-2083 4000 | Faks : 03-2083 4100

.....
www.skm.gov.my